

Bil. 46

**Isnin
13 Oktober 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan 12)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997)(No.2) 1997	(Ruangan 12)
USUL:	
Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1997	(Ruangan 14)

Oktober, 1997.

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

- Yang Berhormat Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

- Yang Berhormat Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Telok Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

- Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan	:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Hajah Supiah binti Dewak Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 13 Oktober 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

BUAH-BUAHAN - JENIS YANG DIBERIKAN
BANTUAN

1. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail [Bagan Serai] minta Menteri Pertanian menyatakan jenis buah-buahan yang diberikan bantuan untuk meningkatkan kualiti penghasilan buah-buahan negara kepada peladang-peladang.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pelbagai usaha telah diambil oleh kerajaan untuk membekalkan benih buah-buahan yang berkualiti kepada peladang-peladang bagi tujuan untuk meningkatkan penghasilan buah-buahan tempatan. Dalam hubungan ini, Jabatan Pertanian melalui Skim Galakan Buah-buahannya (SGBB) membekalkan benih buah-buahan berkualiti kepada peladang-peladang.

Biji benih yang dibekalkan di bawah SGBB termasuklah belimbing, ciku, cempedak, dokong, duku langsung, durian, jambu madu, limau bali, limau langkat, mangga, manggis, nangka dan rambutan.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ragu dari segi pengeluaran hasil buah-buahan di negara kita sebab petani-petani kita begitu rajin. Apa yang saya ragu ialah tentang apakah usaha yang dijalankan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri bagi menambah nilai ataupun bagi meningkatkan nilai atau value-added, dengan izin, hasil-hasil pertanian ini termasuk buah-buahan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' tadi. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Memang Kementerian saya, di samping mengeluarkan bahan-bahan mentah, maka tumpuan di bawah Rancangan Malaysia

Ketujuh dan Dasar Pertanian Negara di dalam menambah nilai-nilai tambah (value-added) ini khususnya kepada pengeluaran buah-buahan yang tidak dapat dijual secara segar khususnya seperti cempedak, nangka, durian dan lain-lain lagi itu.

Jadi, sebab itu MARDI telah mengadakan banyak kursus. Jadi, kepada petani-petani dan peladang-peladang yang berminat untuk mengikuti kursus-kursus bagaimana hendak mengawet buah-buahan untuk dijadikan bahan makanan, maka bolehlah menghubungi MARDI ataupun jabatan-jabatan pertanian di kawasan masing-masing dan pada masa ini, untuk pengetahuan sidang Dewan sekalian bahawa buah yang tidak dapat tahan lama seperti cempedak - kita telah mengeluarkan banyak cempedak iaitu pendapatan purata dianggarkan lebih kurang RM8,434 hektar setahun. Tetapi kalau dapat dijual secara 'fresh' cempedak boleh mendatangkan hasil lebih kurang RM9,100 satu hektar setahun, tidak dapat dijual, ia akan menurun menjadi RM2,000 - RM3,000 sahaja setahun. Sebab itu, pandangan Yang Berhormat tadi, insya-Allah, Kementerian saya sering mengambil peluang untuk meningkatkan nilai ditambah tadi.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada minggu yang lalu, Yang Berhormat Menteri Pertanian telah mengumumkan bahawa kerajaan akan mengadakan satu bentuk pertanian yang baru dengan mengurangkan tenaga kerja dan beberapa kawasan akan diperkenalkan. Salah satunya di Kedah. Saya ingin tahu apakah bentuk pertanian yang akan dilaksanakan dan apa pula jenis-jenis tanaman yang akan diperkenalkan di dalam pertanian bentuk baru yang akan dilaksanakan oleh kerajaan. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Memang benar di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh/Kelapan iaitu mengikut Dasar Pertanian Negara yang sedang diubahsuai bahawa pertanian masa depan kita ialah pertanian yang berkonsepkan komersial, di mana pengurusan secara ladang, dan tidak lagi secara kecil-kecilan. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kementerian saya menerusi Jabatan Perdana Menteri sedang mengenalpasti satu kawasan di Kedah iaitu kira-kira 10,000 ekar untuk dikaji bagi digunakan method ataupun sistem tanaman secara estet ini. Tentang apa jenis tanaman, apa jenis kegiatan hiliran masih lagi dalam kajian oleh sebuah institusi pengajian tinggi di Great Britain, yang akan menolong kita bagi mencari halatuju yang baru ke

arah melahirkan industri pertanian yang berdaya maju dan juga yang bertaraf global.

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 - PEMANSUHAN PERUNTUKAN

2. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat] minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan sama ada kementerian beliau akan memansuhkan peruntukan Akta Pengambilan Tanah 1960 supaya pengambilan Tanah Rizab Melayu dihadkan untuk tujuan kepentingan awam dan bukan untuk tujuan syarikat pembangunan swasta.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pengambilan Tanah 1960 tidak akan dimansuhkan semata-mata supaya pengambilan tanah rizab Melayu akan dihadkan untuk tujuan kepentingan awam sahaja dan bukan untuk tujuan syarikat pembangunan swasta. Ini ialah kerana keperluan pembangunan negara tidak mampu dilaksanakan oleh pihak kerajaan sahaja. Kerajaan memerlukan juga kegiatan dari sektor swasta untuk membangunkan negara dengan lebih pesat lagi.

Walau bagaimanapun, kerajaan akan memastikan proses pengambilan tanah rizab Melayu yang akan dibangunkan oleh pihak swasta akan dibuat dengan telus ataupun transparent, dengan izin, di mana rundingan dengan tuan-tuan tanah akan digalakkan dan apa-apa persetujuan di antara tuan-tuan tanah dengan pihak pemaju swasta yang terlibat akan dimeterikan dengan terang dan jelas mengikut seksyen 3(1)(b) Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1997.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, berapakah tanah rizab Melayu yang telah diambil sebelum daripada ini yang bertujuan untuk kepentingan awam dan juga untuk tujuan syarikat dan juga berapakah tanah rizab Melayu yang masih wujud sekarang ini di seluruh negara? Terima kasih.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat tadi agak spesifik. Saya ada maklumat berkenaan dengan keluasan tanah rizab Melayu setakat sekarang (sehingga 1 Januari 1995) iaitu jumlah sekarang lebih daripada 4.4 juta. Walau bagaimanapun, keterangan terkini akan saya berikan secara bertulis.

Puan Rohani binti Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah syarat-syarat

pembangunan dan syarat-syarat gantian bagi tanah-tanah rizab Melayu?

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Santubong. Syarat-syarat pembangunan bagi tanah rizab Melayu ialah pembangunan memang boleh dijalankan di atas tanah rizab Melayu bersesuaian dengan pelan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan ataupun local authority, dengan izin.

Yang keduanya perundangan di dalam enakmen rizab Melayu hanya menghalang tanah yang dimiliki orang Melayu di dalam kawasan rizab Melayu berpindah hak milik kepada bukan Melayu.

Kepada soalan tambahan tadi iaitu syarat-syarat bagi gantian tanah rizab Melayu, Perlembagaan Persekutuan Perkara (85) mewajibkan gantian tanah yang dibatalkan dari rizab Melayu iaitu mana-mana tanah lain yang serupa jenisnya dengan tanah itu dan luasnya ialah tidak lebih daripada luas tanah rizab Melayu yang diambil tadi. Terima kasih.

KEMALANGAN JALANRAYA - KAWASAN DIKENALPASTI

3. Dr. Tan Yee Kew [Kelang] minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapa kawasan di jalan raya di seluruh negara telah dikenalpasti sebagai kawasan kemalangan:-

- (a) antara kawasan-kawasan ini berapa di lebuhraya, di jalan utama dan di kawasan bandar; dan
- (b) apakah tindakan telah diambil oleh kementerian untuk memperbaiki keadaan di kawasan ini supaya kemalangan dapat dikurangkan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Semenanjung Malaysia, bilangan kawasan di jalan raya Persekutuan dan negeri yang telah dikenalpasti sebagai kawasan kemalangan berjumlah 300. Bagi negeri Sarawak, sebanyak 7 kawasan di jalan Persekutuan telah dikenalpasti sebagai merbahaya. Walau bagaimanapun, kementerian tidak mempunyai statistik menunjukkan kemalangan mengikut kawasan kemalangan di Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan-kawasan di jalan-jalan kawasan bandar adalah dalam bidang kuasa pihak berkuasa tempatan. Rekod-rekod mengenai kemalangan di dalam kawasan-kawasan ini tidak ada di dalam rekod Kementerian Kerja Raya.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM62.9 juta telah diperuntukkan bagi memperbaiki kawasan-kawasan di jalan-jalan utama. Antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak JKR ialah:

- (i) menaikkan taraf persimpangan sedia ada;
- (ii) menyediakan tanda arah dan garisan jalan yang lebih baik;
- (iii) menaikkan taraf jalan susur; dan
- (iv) menyediakan sistem perparitan yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kawasan kemalangan di lebuh raya, kementerian ini masih mengumpul dan mengenalpasti tempat-tempat yang merbahaya. Walau bagaimanapun, bagi mengatasi kemalangan di lebuh raya secara amnya kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) memastikan syarikat-syarikat konsesi menjalankan kerja-kerja penyenggaraan lebuh raya;
- (ii) menguatkuasa undang-undang;
- (iii) menjalankan kempen keselamatan/ pendidikan secara menyeluruh dan bersepadu;
- (iv) memasang 'roadstud' di kawasan-kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan yang kerap berlaku kemalangan bagi menambah 'kebolehlihatan' keadaan jalan;
- (v) memasang papan tanda-papan tanda amaran dan nasihat juga telah dipasang di kawasan-kawasan tertentu bagi menasihati pengguna lebuh raya;
- (vi) Bagi kawasan-kawasan yang dikenalpasti menakung air, pihak PLUS juga telah menjalankan kerja-kerja penurapan dengan lapisan, dengan izin, 'porous asphalt' supaya air mudah diserap sewaktu hujan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dalam masa ini nampaknya Lebuhraya Utara-Selatan sudah menjadi 'Lebuhraya Jerebu Utara-Selatan' North-South Hazeway, bukan North-South Highway. Adakah laporan sama ada dalam masa jerebu bahawa Lebuhraya Utara-Selatan lebih merbahaya dan adakah angka-angka atau laporan-laporan terkini mengenai perkara ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menerima apa-apa laporan

berkenaan dengan jerebu tetapi kita ada juga menerima laporan-laporan apabila berlakunya kemalangan dan jikalau ada kemalangan kita suka juga mendapat tahu lebih keterangan berkenaan apakah sebab kemalangan itu berlaku tetapi dalam masa jerebu, kita tidak ada apa-apa laporan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, ini Jelebu, bukan jerebu. [Ketawa] Soalan tambahan, mengenai pengenalpastian kawasan-kawasan kemalangan, dulu kita pernah mendengar bahawa cadangan untuk membina dan memasang lampu-lampu di kawasan-kawasan yang biasa berlaku kemalangan untuk diperlengkapkan dengan lampu-lampu jalan sama ada di kawasan lebuh raya ataupun jalan-jalan utama.

Jadi, saya ingin bertanya, apakah kedudukan cadangan tersebut dan kalau ianya hendak dilaksanakan, bilakah dan kita berpendapat ianya perlu dilaksanakan kerana di kawasan-kawasan kemalangan yang biasa dikenalpasti adalah di sekitar kawasan-kawasan selekoh merbahaya dan juga yang agak gelap. Jadi, saya ingin bertanya bilakah ianya akan dilaksanakan dan juga ingin tahu berapakah setakat hari ini nilai harta kerajaan yang telah musnah akibat daripada kemalangan yang berlaku? Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kerja Raya terus menjalankan kegiatan-kegiatan untuk memperbaiki keadaan jalan seperti apa yang saya jelaskan tadi. Oleh kerana itu jugalah lebih daripada RM62 juta telah diperuntukkan untuk kerja-kerja. Selain daripada itu, nilai harta yang telah musnah dalam kemalangan itu, saya percaya satu angka yang tidak boleh diedarkan sekarang oleh kerana saya tidak ada angka-angka itu.

JAWATAN PENGETUA/GURU DI SEKOLAH TAMIL - KEKOSONGAN

4. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang berapa banyakkah kekosongan jawatan pengetua dan guru di sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak] Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, oleh kerana tiada sekolah menengah aliran bahasa Tamil, maka soal jawatan pengetua tidak timbul.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya yang dimaksudkan ialah kekosongan jawatan guru besar di sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil, perlu dijelaskan pengisian jawatan tersebut dilaksanakan

oleh Kementerian Pendidikan secara berterusan sebaik sahaja berlaku kekosongan. Mengenai kekosongan guru terlatih di SRJK(T), sehingga September 1997 terdapat 998 kekosongan jawatan.

Dr. G. Leelavathi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah prestasi mata pelajaran bahasa Malaysia di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil dan apakah langkah kementerian untuk meningkatkan prestasi mata pelajaran itu?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain, agak terkeluar.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tahu mengenai kekurangan guru-guru Tamil ini yang berlarutan beberapa tahun ini dan apakah sebab-sebab yang tertentu kementerian ini kurang memberi insentif-insentif yang tertentu supaya menarik guru-guru untuk mengajar bahasa Tamil di sekolah-sekolah Tamil dan adakah kerajaan bercadang membawa guru-guru Tamil dari India? *[Ketawa]*

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak bercadang membawa guru-guru Tamil dari India. Seharusnya Ahli Yang Berhormat tidak memikirkan perkara ini sama sekali.

Masalah ini ialah masalah pasaran kerana terdapat banyak pekerjaan yang lain di sektor swasta yang lebih menarik dan faktor kedua ialah kerana sekolah-sekolah Tamil berada di tempat yang agak berjauhan di pedalaman. Jadi, walaupun kita memberi banyak tawaran tetapi sambutanannya tidaklah begitu menggalakkan. Walau bagaimanapun, di maktab-maktab sekarang ini terdapat 318 orang guru yang sedang mengikuti pengkhususan dalam bahasa Tamil.

PENYIARAN BERUNSUR FITNAH OLEH AKHBAR - LANGKAH KERAJAAN

5. **Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad [Tanah Merah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membendung akhbar-akhbar tempatan supaya tidak menyiarkan berita-berita mengenai fitnah dan yang meracuni fikiran rakyat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sentiasa berjaga-jaga terhadap isi kandungan akhbar-akhbar tempatan bagi memastikan akhbar-akhbar tidak menyiarkan berita-berita fitnah dan yang meracuni fikiran rakyat.

Setiap permit penerbitan yang dikeluarkan kepada penerbit ada dicatatkan syarat-syarat permit yang perlu dipatuhi oleh para penerbit. Oleh itu, para penerbit sepatutnya mengetahui syarat-syarat tersebut dan hendaklah mematuhi.

Sekiranya terdapat gambar atau rencana yang berbentuk fitnah dan meracuni fikiran rakyat di akhbar-akhbar tempatan, beberapa langkah akan diambil oleh Kementerian Dalam Negeri. Di antara langkah-langkah tersebut adalah:

- (i) memberi nasihat kepada penerbit;
- (ii) memberi teguran kepada penerbit;
- (iii) memberi amaran;
- (iv) menggantung Permit Penerbitan; dan
- (v) membatalkan Permit Penerbitan bergantung kepada betapa seriusnya kesalahan itu.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Fitnah, jika berlaku boleh melibatkan tuntutan sivil oleh yang difitnah ke atas orang yang memfitnah dan juga selain itu tuntutan jenayah di bawah Penal Code. Baru-baru ini kita dengar ada sebuah akhbar milik sebuah parti politik yang jelas memfitnah satu pihak dan golongan ini telah memohon maaf kepada pihak yang tersebut. Mengapa jarang benar tindakan jenayah yang diambil di bawah Penal Code? Kalau terbukti bahawa melakukan fitnah ataupun pelaku fitnah telah jelas terbukti, mengapa nampaknya tindakan untuk membawa mereka ini ke mahkamah melalui tuduhan jenayah, jarang dilakukan oleh pihak polis seperti peruntukan yang sedia ada sekarang di bawah Penal Code? Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, itu menunjukkan sebenarnya Kerajaan Malaysia sangat demokratik. Kita tidak seperti yang dituduh oleh pembangkang dengan saat pertama kita ambil tindakan yang keras. Sebenarnya kita beri, seperti yang saya terangkan, nasihat dahulu, tidak dengar - amaran; tidak dengar - kita gantung; kalau tidak dengar lagi - kita batal. Itu pun kalau degil, saya rasa Penal Code masuklah. Ini cara Malaysia.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, tahniahlah kepada kementerian kerana begitu bertimbang rasa walaupun terdapat undang-undang yang sedia ada untuk menghukum pesalah-pesalah ini, maka menurut Timbalan Menteri tadi kerajaan tidak menggunakan undang-undang tersebut. Soalan tambahan saya ialah di samping peruntukan-peruntukan di bawah Penal

Code kita juga ada Printing and Presses Act yang menjadikan false reporting ataupun berita-berita yang berbentuk fitnah ini sebagai satu kesalahan jenayah. Jadi, semenjak undang-undang ini diwujudkan saya ingin tahu berapa banyakkah jumlah kes yang telah dibawa ke mahkamah berhubung dengan kesalahan false report? Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang benar di bawah Akta Penerbitan dan Pencetakan 1984 itu kita boleh dakwa seseorang itu atau sesiapa yang mencetak sesuatu yang palsu dan boleh dikatakan sejak tahun 1984 jarang sekali kerajaan gunakan clause ini dan itu pun seperti yang telah saya terangkan, bila kita gunakan ini bermaknanya satu kesalahan yang sangat serius telah berlaku. Setakat ini hanya beberapa kes sahaja yang ada gunakan akta ini, itu pun macam-macam tuduhan dibuat sampai ke arena antarabangsa. Kita jarang sekali gunakan akta, guna pun sudah macam kita banyak kali guna. Sebenarnya beberapa kali sahaja.

AUTOMATED TELLER MACHINES- KEHILANGAN WANG

6. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan aduan yang telah diterima dan jumlah wang yang telah dilaporkan hilang melalui ATM (Automated Teller Machines) di bank-bank di seluruh Malaysia sejak 1990. Apakah langkah-langkah yang telah diambil supaya kepercayaan orang ramai terhadap institusi perbankan dalam perkara ini tidak tergugat.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman yang dijadualkan untuk dijawab pada 13 haribulan iaitu hari ini berserta dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Mentakab yang dijadual untuk dijawab pada 21 Oktober, Ahli Yang Berhormat dari Cheras pada 27 Oktober, Ahli Yang Berhormat dari Kangar pada 1 Disember dan soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ipoh Barat dan Mersing yang akan dijadualkan dijawab pada 3 Disember 1997 memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan menyentuh isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baik.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, jumlah aduan mengenai kehilangan wang yang dilakukan melalui ATM yang diterima

oleh Bank Negara Malaysia dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1997 iaitu dari 1 Januari 1997 sehingga 30 September 1997 ialah 1,981 kes iaitu 1,932 melibatkan bank-bank perdagangan dan 49 melibatkan syarikat-syarikat kewangan.

Memandangkan jumlah aduan mengenai kes kehilangan wang melalui ATM pada tahun 1996 dan sebelumnya tidak begitu banyak, Bank Negara Malaysia tidak menyimpan statistik mengenainya. Jumlah wang yang dilaporkan telah dicuri daripada akaun pelanggan melalui ATM dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini adalah sebanyak RM3 juta iaitu RM2.9 juta melalui bank perdagangan dan RM0.1 juta melalui syarikat-syarikat kewangan.

Kerajaan memandang berat gejala kecurian wang melalui ATM yang berleluasa sejak beberapa tahun yang lalu. Oleh itu, beberapa langkah telah diambil oleh Bank Negara Malaysia dan institusi-institusi perbankan untuk mengekalkan kepercayaan orang ramai dalam sistem perbankan negara ini khasnya dari segi penggunaan perkhidmatan ATM dan keselamatan wang mereka yang disimpan di dalam institusi-institusi perbankan.

Bank telah mengarahkan kesemua institusi perbankan untuk meningkatkan dan mengetatkan lagi langkah-langkah keselamatan berhubung operasi ATM mereka supaya kejadian sedemikian dapat dikurangkan. Ini termasuklah menasihati mereka supaya mengadakan tempat tertutup bagi mengelakkan orang lain mengintip (peep) beberapa institusi perbankan telah memasukkan ciri-ciri keselamatan tambahan ke dalam kad ATM mereka supaya tidak mudah diklon. Institusi-institusi perbankan yang terlibat telah pun mengemukakan langkah-langkah lain untuk mengatasi masalah ini tetapi adalah tidak wajar untuk Bank Negara Malaysia untuk mendedehkannya untuk mengelakkan penyalahgunaan maklumat-maklumat tersebut oleh penjenayah-penjenayah. Bank Negara Malaysia telah mengarahkan institusi-institusi perbankan yang terlibat supaya mempercepatkan proses pembayaran ganti rugi kepada mangsa-mangsa. Walau bagaimanapun, proses ini akan mengambil masa sedikit oleh kerana institusi-institusi berkenaan perlu menyasiat terlebih dahulu bagi mengenalpasti dan menentukan hanya kes-kes yang tulen dapat digantirugikan.

Pihak kerajaan dan Bank Negara Malaysia sedar terdapatnya gejala pengklonan kad ATM dalam negara ini yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun, ini tidaklah seburuk seperti yang digambarkan oleh sesetengah pihak kerana jumlah kad ATM sejenis itu adalah kecil berbanding jumlah

kad ATM yang tulen. Berasaskan statistik yang diberikan kepada Bank Negara Malaysia untuk tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, hanya 132 kad ATM yang diklonkan berbanding dengan 9 juta kad ATM yang tulen di dalam edaran. Masalah pengeluaran wang melalui ATM tanpa kebenaran pemilik akaun berpunca daripada pelbagai faktor. Ini termasuklah kelalaian pemegang kad ATM sendiri yang mendedahkan PIN dan memberi kad ATM mereka kepada orang lain seperti ahli keluarga, kawan-kawan dan sebagainya. Ada juga mereka yang suka meletak pin dan kad ATM mereka di satu tempat yang tidak selamat dan justeru itu digunakan oleh orang lain untuk mengeluarkan wang dari akaun mereka. Penyiasatan oleh institusi-institusi perbankan yang terlibat juga telah menunjukkan bahawa terdapat kes-kes di mana kecurian tersebut telah dilakukan dengan menggunakan kad ATM yang diklonkan. Walau bagaimanapun, usaha untuk mengesan dan mencegah kegiatan tersebut sedang giat dijalankan oleh institusi-institusi perbankan berkenaan.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Antara 1,981 kes, berapa kes telah dibayar ganti rugi oleh pihak bank dan apakah kementerian tidak bercadang mewajibkan bank-bank memberi perlindungan insurans kepada semua pengguna ATM?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang ada, kes-kes yang telah dirujuk kepada Biro Perantaraan Bebas yang telah diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia, 25 kes telah dirujuk dan 7 kes telah diselesaikan. Soal memperuntukkan perlindungan insurans, mungkin terlalu awal kerana, seperti yang saya sebut tadi kes kejadian kecurian ini adalah kejadian yang kecil iaitu kalau kita lihat tadi 132 kes di dalam 9 juta. Jadi, kalaulah ini berlaku lebih banyak mungkin cadangan Yang Berhormat dari Mentakab boleh dipertimbangkan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya menyanjung tinggi langkah-langkah yang diambil oleh Bank Negara. Walau bagaimanapun, langkah-langkah ini kelihatannya reactive dan bukan proactive. Itu pada pendapat saya. Oleh itu, saya ingin bertanya apakah tindakan proactive yang lebih menyeluruh akan dijalankan di masa akan datang khususnya apabila aktiviti-aktiviti digital commerce akan meningkat?

Yang keduanya, adakah Bank Negara Malaysia mempunyai satu kuasa untuk memerlukan seluruh bank komersial dan juga syarikat kewangan supaya

mereka mempunyai satu data security protection engineering yang current terhadap mesin-mesin ATM yang ada di seluruh negara supaya mereka mempunyai firewall security features di samping mempertingkatkan features yang ada di kad ATM itu sendiri? Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, persoalan adakah ianya reactive ataupun proactive kerana sistem ATM adalah satu sistem yang cukup baru bukan sahaja bagi negara kita, malah untuk dunia keseluruhannya. Jadi, apabila sesuatu benda yang baru, persoalan untuk diadakan tindakan proactive adalah satu persoalan yang sukar diimplementasikan. Soal proactive berbangkit hanya apabila satu-satu keadaan yang tidak dijangka berlaku iaitu kalau dahulu, dengan adanya teknologi maklumat yang menggunakan teknologi tinggi orang berfikir tidak mungkin ada orang yang boleh mengklonkan magnetic field yang dipunyai oleh sebuah institusi tetapi sekarang ini telah terbukti boleh. Jadi usaha-usaha proactive untuk memastikan perkara ini terus berlaku telah pun diambil oleh bank-bank tempatan, sepertimana yang saya sebut tadi. Bank Negara tidak dapat menceritakan apa-apa yang dilakukan dan saya pasti tidak berapa lama lagi akan keluar beberapa features ataupun ciri-ciri keselamatan yang canggih yang berkemungkinan pihak-pihak yang menipu ataupun mengklonkan tidak dapat melakukannya semudah yang mereka lakukan sekarang.

PUSAT GIAT MARA - CADANGAN PENAMBAHAN

7. Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan memandangkan bahawa pusat Giat MARA telah ditempatkan hanya satu bagi kawasan Parlimen di seluruh negara, oleh kerana program ini amat penting bagi memajukan negara dengan para belia yang mahir dalam pelbagai bidang adakah kementerian bercadang untuk menambah lebih daripada satu pusat Giat MARA di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara, serta nyatakan:-

- (a) berapakah jumlah pelatih yang telah tamat dan berjaya semenjak tahun 1990-1996; dan
- (b) nyatakan bidang-bidang kursus kemahiran yang mereka berjaya dan mencebur diri secara berdikari atau dalam sektor swasta.

Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan

belum bercadang untuk menambah lebih dari satu buah pusat giat MARA bagi setiap kawasan Parlimen. Walau bagaimanapun, pada masa ini MARA telah pun membina 120 pusat giat MARA di seluruh negara. Di samping itu, Kerajaan telah meluluskan pembinaan 40 lagi pusat giat MARA di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Untuk soalan seterusnya dalam tempoh di antara 1990 hingga 1996, seramai 20,840 pelatih telah tamat dan berjaya mengikuti pelbagai jenis kursus di pusat-pusat giat. Bidang-bidang kursus kemahiran yang berjaya diceburi secara berkari atau di sektor swasta ialah Kejuruteraan Automobil, Kejuruteraan Elektrik Domestik dan Industri, Kejuruteraan Elektrik Pendawaian Fasa Tiga, Kejuruteraan Elektrik Penjaga Elektrik, Teknologi Penyjukan dan Penyaman Udara, Kejuruteraan Elektronik Industri, Kejuruteraan Elektronik Instrumen, Lukisan Kejuruteraan Awam dan Struktur, Lukisan Kejuruteraan Mekanikal, Lukisan Senibina, Fabrikasi Kepingan Logam, Teknologi Kimpalan dan Fabrikasi, Kejuruteraan Mekanikal (Penyelenggaraan Mesin), Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan Mekanikal) dan Kejuruteraan Mekanikal (Penyelenggaraan Industri).

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan syabas kepada usaha MARA untuk mengadakan pusat-pusat latihan giat MARA ini di kawasan-kawasan terutama luar bandar. Saya hendak bertanya sedikit dari segi kurikulum, adakah dikemaskini? Macam kita dengar baru-baru ini Perdana Menteri kita melancarkan IT untuk seluruh negara. Sama ada di pusat Giat ada kursus-kursus IT, saya pun tidak dengar bila Yang Berhormat Timbalan Menteri menceritakan kursus-kursus tentang IT.

Yang keduanya tentang kurikulum ini, sebagai soalan tambahan, saya minta juga adakah disesuaikan dengan industri tempatan. Kalau di penempatan itu ada kilang-kilang berbentuk elektrik wajarlah pusat giat di kawasan itu ada kursus berbentuk elektrik tetapi saya dengar kadang-kadang pusat giat itu kurikulumnya dilancarkan di Kuala Lumpur. Mereka yang merancang di Kuala Lumpur tidak pernah pergi ke kawasan yang hendak dibangunkan pusat giat MARA. Mungkin ada mismatch di sini antara kehendak tempatan dengan kurikulum yang hendak diperkenalkan.

Tuan Idris bin Jusoh: Terima kasih, Yang Berhormat dari Rompin. Untuk menyahut era informasi ini, pusat giat juga sedang merancang

untuk mengemukakan modul ITnya ke seluruh pusat giat di seluruh negara dan ianya dalam peringkat perbincangan dan harap akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi.

Berhubung dengan kesesuaian modul di tempat-tempat dan pusat-pusat giat di kawasan-kawasan Parlimen, satu kajian telah diadakan oleh UUM dan telah siap dan akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi dan saya rasa ini merangkumi persoalan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Rompin.

Tuan Mohd Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita lihat on the ground, sebenarnya, pusat-pusat giat MARA ini tidak sebenarnya diberikan sambutan yang menggalakkan. Kalau kita lihat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, daripada tahun 1990 ketahun 1996, seramai 20,000 peserta di 120 pusat giat kalau kita bahagikan sebenarnya hanya 50 satu tahun satu kawasan pusat giat. Jadi, apakah usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian untuk menentukan apa yang disediakan itu benar-benar disambut oleh masyarakat dan golongan belia?

Tuan Idris bin Jusoh: Kementerian menyedari cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Johor Bahru itu, sebab itu saya katakan tadi bahawa satu kajian yang telah siap dan yang akan dikemukakan oleh kementerian telah dilaksanakan oleh Universiti Utara Malaysia dan di antara cadangan-cadangan yang telah dibuatkan oleh kajian itu ialah untuk memastikan supaya adanya penyesuaian dan adanya sambutan yang lebih baik daripada belia-belia tempatan untuk memasuki pusat giat di masa-masa akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat. Dr. Ye Moh Chai.

[Soalan No. 8 - Y.B. Dr. Ye Moh Chai (Tanjong Aru) tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Dato' S'ng Chee Hua.

[Soalan No. 9 - Y.B. Dato' S'ng Chee Hua (Julau) tidak hadir]

PROGRAM REGULARISASI DI SABAH - PERKEMBANGAN TERKINI

10. **Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai program regularisasi di Sabah. Setakat 31 Ogos 1997 berapakah jumlah pendatang tanpa izin yang telah

berdaftar dan apakah tindakan-tindakan susulan yang akan diambil kepada mereka yang belum mendaftar diri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kebenaran untuk saya menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat Bandau bersama-sama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Aru pada 14 Oktober, Yang Berhormat dari Beluran pada 3 November dan Yang Berhormat dari Keningau pada 18 November memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan adalah mengenai perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baik.

Dato' Chong Kah Kiat: Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan sedia maklum, program regularisasi pendatang tanpa izin iaitu PTI Indonesia dan Filipina di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang telah berjalan selama enam bulan mulai 1 Mac tahun ini telah berakhir pada 31 Ogos. Sasaran program ini meliputi PTI Indonesia dan Filipina yang bermajikan dan tidak bermajikan berserta ahli keluarga mereka.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah PTI yang telah berdaftar sehingga 31 Ogos adalah seramai 413,832 orang PTI. Daripada jumlah tersebut seramai 226,565 orang adalah pekerja dan 187,267 orang adalah tanggungan mereka. PTI Indonesia yang didaftarkan adalah seramai 294,704 orang iaitu merangkumi 170,169 orang pekerja dan 124,535 orang tanggungan.

Dari segi PTI Filipina jumlah 119,128 orang merangkumi 56,396 orang pekerja dan 62,732 orang tanggungan. Adalah dianggarkan seramai 80,000 orang PTI gagal memperolehi majikan dan masih berada di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Operasi-operasi penguatkuasaan telah dimulakan sebaik sahaja program ini ditamatkan pada 31 Ogos tahun ini. Operasi-operasi ini akan dibuat secara berterusan. Tumpuan adalah diberikan untuk mendakwa majikan-majikan yang terus menggaji dan melindungi PTI sementara itu PTI akan ditangkap dan diusir secara berperingkat-peringkat. Bermula dari 1 September hingga 29 September, seramai 1,055 orang PTI telah ditangkap dan dari jumlah tersebut seramai 996 orang telah diusir ke negara asal masing-masing iaitu Indonesia dan Filipina. Sekian.

Tuan Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi mereka yang gagal

untuk mendapatkan majikan yang dikatakan 80,000 orang ini, apakah perancangan dan tindakan susulan untuk menghantar mereka kerana setakat 1 September itu dikatakan baru 1,055 orang yang dihantar. Adakah kerajaan mempunyai kapasiti untuk benar-benar mengambil tindakan dan menghantar mereka dan seterusnya mengambil tindakan yang ketat supaya mereka yang dihantar itu tidak balik; kadang-kadang balik pada bulan yang sama juga. Jadi, saya ingin minta penjelasan. Terima kasih.

Dato' Chong Kah Kiat: Tuan Yang di-Pertua, sesiapa orang atau PTI yang tidak berdaftar sendiri tindakan harus dan akan diambil dan mereka akan diusir balik tetapi apa yang saya cakap tadi, tindakan itu adalah berperingkat-peringkat kerana untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan tadi yang saya sebut tadi adalah lebih kurang 80,000 orang dan bilangan itu bukan kecil dan kita harus mengambil masa.

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya amat tertarik dengan konsep regularisasi dan kita sebagai rakyat Malaysia begitu mengharapkan supaya masalah ini sekali gus akan dapat diselesaikan. Namun demikian, selepas beberapa bulan program ini telah dilaksanakan, saya belum begitu nampak kesan dari segi penghantaran balik di kalangan pendatang-pendatang asing tanpa izin. Misalnya, di bandar-bandar kita nampak penjaja-penjaja di kalangan pendatang-pendatang asing masih berleluasa terutamanya di pasar malam. Jadi, saya ingin bertanya adakah mereka ini sudah dikenalpasti sebagai pendatang asing tanpa izin ataupun mereka sudah mempunyai dokumen yang menunjukkan bahawa mereka itu sudah menjadi warganegara? Terima kasih.

Dato' Chong Kah Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mereka mesti ada mempunyai dokumen-dokumen yang sah sama ada dokumen kerja, pas kerja atau tanggungan. Walau bagaimanapun, untuk mereka yang tidak ada dokumen yang sah, tindakan sebagaimana yang saya sebutkan tadi akan terus diambil supaya mereka dapat ditangkap dan diusir balik ke negara asal masing-masing.

PELABURAN DI TERENGGANU KEKURANGAN MINAT

11. **Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) adakah kementerian sedar kurangnya minat pelabur-pelabur untuk melabur di Terengganu adalah kerana sistem

pengangkutan yang tidak memuaskan seperti bilangan penerbangan yang tidak mencukupi, pelabuhan yang tidak mempunyai kemudahan yang memuaskan dan tiada pengangkutan kereta api; dan

- (b) mengapakah pihak MAS tidak dapat menimbang untuk menambahkan penerbangan ke Kuala Terengganu dan apakah perancangan kementerian untuk mengatasi masalah ini supaya pelabur lebih banyak melabur di Pantai Timur khususnya negeri Terengganu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sistem pengangkutan di negeri Terengganu sentiasa diberi perhatian oleh kerajaan bagi memenuhi kepentingan semua pihak. Untuk makluman Yang Berhormat, penerbangan Malaysia kini mengadakan sebanyak 32 kali seminggu dengan pesawat Boeing 737 - 400 ataupun Boeing 737 - 500 di atas sektor Kuala Lumpur - Kuala Terengganu. Jumlah penerbangan ini merupakan tambahan kapasiti sebanyak 15% jika dibanding tempoh sebelum 29 Mac tahun ini.

Bagi kemudahan pengangkutan laut dan pelabuhan pula, Pelabuhan Kemaman merupakan pintu masuk utama ke negeri Terengganu. Pada masa ini pelabuhan tersebut telah pun dilengkapi dengan banyak kemudahan yang mampu menarik kedatangan pelabur-pelabur asing. Pelabuhan ini juga dilengkapi dengan tiga buah kren bergerak yang dibekalkan oleh pihak kontraktor dari semasa ke semasa mengikut keperluan operasi. Semua kemudahan yang ada pada masa ini adalah mencukupi bagi Pelabuhan Kemaman untuk mengendalikan kargo berjumlah 5.3 juta tan setahun. Untuk tahun 1996, pelabuhan ini telah mengendalikan kargo berjumlah 2.5 juta tan setahun.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ketiadaan pengangkutan kereta api di negeri Terengganu, satu kajian telah pun dijalankan pada tahun 1940-an lagi bagi kemungkinan mewujudkan sambungan rel ke Pantai Timur. Oleh kerana kos pelaksanaan projek ini amat tinggi iaitu

dalam lingkungan RM4 bilion, maka pelaksanaan telah pun ditangguhkan dahulu. Keretapi Tanah Melayu Berhad dan Petronas juga telah melantik juru perunding untuk mengkaji kemungkinan mengadakan landasan di antara Kertih-Kemaman-Kuantan sejauh 75 kilometer untuk mengangkut bahan mentah dan hasil petrokimia di kawasan berkenaan ke Pelabuhan Kuantan.

- (b) Saya suka memaklumkan bahawa MAS telah pun merancang untuk menambah 9 penerbangan seminggu atas sektor Kuala Lumpur - Kuala Terengganu mulai 29 Mac 1998. Tambahan ini merupakan tambahan kapasiti sebanyak 34.3%. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tuan Asmat Nungka.

[Soalan No. 12 - Y.B. Tuan Asmat Nungka (Beluran) tidak hadir]

NAHAS HELIKOPTER BELL 412 SP - PENGUMUMAN LAPORAN LENGKAP

13. Tuan Radin Malleh [Tenom] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) mengapakah kementerian terlalu lambat untuk mengumumkan laporan lengkap berhubung dengan nahas helikopter Bell 412SP Sabah Air berhampiran Pulau Labuan dua tahun yang lepas; dan
- (b) adakah benar benda asing yang menjadi punca nahas tersebut disebabkan 'sponge' yang terdapat di dalam enjin akibat daripada kelalaian para pekerja Sabah Air.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan tentang nahas helikopter 412 SP Sabah Air di 32 batu nautika ke arah barat Lapangan Terbang Kota Kinabalu pada 29 November 1995 telah pun disiapkan. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa perkara dari aspek teknikal yang perlu diteliti terlebih dahulu. Laporan ini dijangka akan diserahkan kepada Kabinet kemungkinan dalam tempoh masa satu bulan setelah kajian mengenainya selesai sepenuhnya dan laporan dilengkapi.
- (b) Punca nahas tersebut akan diumumkan setelah kajian mengenainya selesai

sepenuhnya tetapi Yang Berhormat dalam soalan (b) ini dia telah bertanya sama ada benda asing yang merupakan 'sponge' ini adalah merupakan punca utama yang mengakibatkan kemalangan berlaku. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mengikut laporan walaupun kita masih menunggu pengesahan yang final, benda asing 'sponge' ini memang bukan punca akibat kemalangan helikopter Bell tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya masih ingat bahawa soalan yang hampir serupa telah dikemukakan dahulu dan jawapan yang hampir serupa juga telah diberi. Jadi, saya minta jaminan daripada Yang Berhormat adakah pengumuman ini betul-betul dapat diberikan di dalam masa satu bulan dari sekarang?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kelewatan ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah benar bahawa satu daripada sebab kenapa pengumuman ini lewat dibuat adalah kerana Malaysia kekurangan tenaga-tenaga mahir (expertise) untuk membuat penganalisan punca-punca sebenar dan itulah yang menyebabkan kelewatan ini, bukan sahaja mengenai nahas ini tetapi juga beberapa kemalangan yang lain dan kalau ini benar, apakah tindakan pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini oleh kerana laporan ini amat penting untuk para penumpang yang memerlukan bayaran insurans. Terima kasih.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat, memang kementerian melalui agensi-agensi berkenaan harus berhati-hati semasa membuat sesuatu laporan yang lengkap supaya ianya dapat diserahkan kepada Kabinet dan semua benda-benda yang didapati di dalam helikopter yang nahas itu terpaksa juga diperiksa dan pemeriksaan ini bukan sahaja dibuat di dalam negara kita, bahkan ada separuh benda-benda yang didapati harus juga dihantar kepada syarikat yang membuat helikopter Bell ini untuk membuat kajian.

Selain daripada itu juga, selepas semua pemeriksaan ini dibuat, ianya juga dihantarkan kepada negara Amerika Syarikat di mana memang tenaga betul-betul mahir di situ dapat juga mengkaji semula. Oleh yang demikian, kita memberi jaminan iaitu segala laporan bila sampai ke Jemaah Menteri mempunyai kandungan yang betul-betul benar dari semua aspek. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan adakah peraturan-peraturan keselamatan yang sedia ada mencukupi bagi semua penerbangan sama ada pesawat ataupun helikopter? Sekian, terima kasih.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Senai, kementerian melalui Jabatan Penerbangan Awam (DCA) memang adalah penguatkuasa dari segi menjaga semua ciri-ciri keselamatan mengenai penerbangan am termasuk penerbangan helikopter yang sedia ada di negara kita dan semua penerbangan am iaitu khususnya bagi penerbangan-penerbangan secara komersial yang dikendalikan oleh MAS ataupun syarikat penerbangan yang lain harus menepati peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh International Civil Aviation Organisation (ICAO). Segala peraturan harus menepati piawaian itu dan bagi helikopter juga semua ciri-ciri keselamatan harus juga dipatuhi tetapi jika perkhidmatan helikopter dibandingkan dengan penerbangan am seperti membawa penumpang yang begitu ramai, memang piawaian bagi penerbangan am adalah ketat sedikit dan bagi helikopter kita juga ada peraturan mengenai ciri-ciri keselamatan yang penting iaitu setiap 24 jam semua pesawat helikopter terpaksa menjalani satu pemeriksaan yang dinamakan daily inspection, dengan izin, (DI) di mana semua checks akan dilakukan dan selepas itu pula sebelum juruterbang (pilot) membawa pesawat itu, sebelum berlepas juga diharus membuat satu pemeriksaan sekali lagi - sendiri - dengan itu, maka kita sudah, boleh dikatakan, memenuhi ciri-ciri keselamatan dan untuk makluman Dewan yang mulia ini semua pesawat termasuk kapal terbang dan helikopter yang mempunyai Air Operating Permit (AOP) di negara kita memang harus menepati semua peraturan-peraturan keselamatan. Sekian.

PELABUHAN TEMPATAN BAGI TUJUAN IMPORT/EKSPORT - KESAN

14. Datuk Lim Si Cheng [Senai] minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah kementerian dalam usaha menjayakan objektif kerajaan terhadap penggunaan pelabuhan-pelabuhan tempatan bagi tujuan import dan eksport dan apakah kesannya.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pengangkutan dalam peningkatan dan menggalakkan penggunaan pelabuhan-pelabuhan

tempatan bagi tujuan import dan eksport adalah seperti berikut:-

- (i) menambahkan kapasiti pelabuhan dengan membina kemudahan-kemudahan dermaga serta menambahkan alat-alat pengendalian kargo;
- (ii) mulai dari 10.4.1996 semua pegawai kerajaan yang mengendalikan kemudahan-kemudahan penting seperti Kastam, Imigresen, Kesihatan dan Jabatan Kimia harus menjalankan tugas 24 jam sehari melalui tiga syif;
- (iii) memudahkan proses dokumentasi seperti pre-clearance di kastam di mana sebelum kargo sampai ke pelabuhan, proses pre-clearance, dengan izin, sudah dilaksanakan tanpa sebarang delay;
- (iv) memperbaiki aksesibiliti melalui jalan raya dan rel dan juga kerja-kerja pergerukan di channel selatan yang menuju ke Pelabuhan Kelang sentiasa dijalankan hingga mencapai 15.5 meter dalamnya supaya memastikan Pelabuhan Kelang boleh menampung kemasukan kapal-kapal yang terbesar di dunia ini;
- (v) melaksanakan sistem Electronic Data Interchange (EDI);
- (vi) memperbaiki dan meningkatkan lagi perkhidmatan agensi-agensi kerajaan seperti Kastam, Imigresen dan sebagainya dengan tujuan memaparkan imej pelabuhan sebagai 'user-friendly';
- (vii) mengadakan promosi dan kempen pemasaran (road show) di dalam dan di luar negara supaya semua kargo kontena dari Filipina, Indonesia, India dan Myanmar dapat dihantarkan ke pelabuhan kita, khususnya Pelabuhan Kelang untuk dieksport.

Tuan Yang di-Pertua, kesan-kesan yang diperolehi daripada peranan kementerian, pelabuhan-pelabuhan dan pendekatan strategi-strategi yang telah dan akan dibuat seperti berikut:-

- (i) jumlah import dan eksport kargo yang dikendalikan di pelabuhan-pelabuhan utama negara terus meningkat, iaitu misalnya pada tahun 1994 pelabuhan-pelabuhan kita hanya dapat mengendalikan 85 juta tan dan pada tahun 1996 kita dapat melihat prestasinya telah pun dipertingkatkan hingga 114 juta tan;

- (ii) jumlah kontena ataupun twenty foot equivalent (TEU), dengan izin, yang diuruskan di pelabuhan-pelabuhan utama negara kita telah pun bertambah. Misalnya pada tahun 1994 kita hanya mengendalikan 1,601,000 tan, pada tahun 1996 kita telah pun mencapai rekod yang begitu baik iaitu 2,311,000 tan;
- (iii) jumlah kapal-kapal yang telah berlabuh di pelabuhan-pelabuhan utama negara kita juga terus meningkat. Pada tahun 1996 kita dapat melihat jumlah pelaburan ialah RM27.138 juta. Malaysia kini di tangga ke-19 pengeksport dan ke-17 pengimport kargo kontena di dunia. Jumlah kargo kontena meningkat 185% dalam jangka masa enam tahun dari tahun 1990 hingga 1996, iaitu peningkatan dari 901 juta TEU's. hingga 2.6 juta TEU's pada tahun 1996.

Di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dijangkakan kapasiti pelabuhan-pelabuhan di Malaysia akan meningkat hingga 174.1 juta tan pada tahun ini hingga 280.6 juta tan pada tahun 2000. Khusus bagi Pelabuhan Kelang sahaja di mana pelabuhan tersebut akan dijadikan 'hub port' dengan peranannya sebagai pelabuhan pengendali kontena terbesar di rantau ini. Pelabuhan ini juga akan mengendalikan pengeksportan bahan-bahan petroleum, kimia dan 'edible oil' daripada 40.2 juta tan pada tahun 1995 ke 78.9 juta tan pada tahun 2000. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun tamat.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8, 9, 12 dan 15 hingga 36 dijilid dalam buku berasingan]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG FEE (PLANETARIUM
NEGARA) (PENGESAHAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi mengesahkan pemungutan fee dan bayaran berkenaan dengan apa-apa kemasukan ke mana-mana pameran yang diadakan di Planetarium Negara selama tempoh mulai 8 Februari 1994 hingga 15 November 1997; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT
(PINDAAN) (NO. 2) 1997**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN
TAMBAHAN (1997) (NO. 2) 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua

3.38 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM13,141,219,516 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual, Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1997 adalah berjumlah RM13,569,624,016. Daripada jumlah ini, sebanyak

RM13,141,219,516 diminta diluluskan di bawah Fasal 2, Rang Undang-undang ini, manakala bakinya sebanyak RM428,404,500 adalah perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu. Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2, Rang Undang-undang tersebut adalah seperti berikut.

Tambahan sebanyak RM12.37 bilion di bawah Maksud B.30, peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun untuk perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM12 bilion untuk dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan daripada akaun hasil yang disatukan;
- (ii) sebanyak RM300 juta sebagai pinjaman kepada Export Import Bank of Malaysia (Exim Bank) untuk membiayai skim kemudahan pembiayaan semula kredit eksport yang diambil alih dari Bank Negara Malaysia; dan
- (iii) sebanyak RM70 juta untuk bayaran balik pinjaman bagi pihak Permodalan Nasional Berhad (PNB) kepada Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah skim ASB-PPRT.

Tambahan sebanyak RM200 juta di bawah Maksud B.32 Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk bayaran emolumen dan caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagai ganti pencen berikutan perubahan sistem saraan, daripada Sistem Saraan Baru (SSB) kepada Sistem Saraan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Tambahan sebanyak RM80 juta di bawah Maksud B.25 Kementerian Pertahanan untuk membiayai perbelanjaan mengurus Angkatan Tentera Malaysia di Bosnia-Herzegovina.

Tambahan sebanyak RM72.8 juta di bawah Maksud B.48 Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk perbelanjaan berikut:-

- (i) sebanyak RM36.5 juta untuk pelarasan gaji kakitangan kontrak di bawah Kemas; dan
- (ii) sebanyak RM36.3 juta bagi membiayai sebahagian pengkorporatan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA).

Tambahan sebanyak RM66.4 juta di bawah Maksud B.29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk membiayai subsidi harga bahan-bahan petroleum.

Tambahan sebanyak RM62.4 juta di bawah Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri untuk perbelanjaan berikut:-

- (i) sebanyak RM23.4 juta untuk membiayai lawatan ketua-ketua negara asing ke Malaysia dan lawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke Amerika Syarikat dan sambutan Hari Kebangsaan Malaysia;
- (ii) sebanyak RM25 juta sebagai geran pemberian kepada Malaysian Industries Group For High Technology (MIGHT);
- (iii) sebanyak RM10 juta untuk projek-projek kecil infrastruktur seperti jalan, parit dan tempat pembuangan sampah dan lain-lain projek bagi meningkatkan keselesaan hidup rakyat; dan
- (iv) sebanyak RM4 juta untuk projek kecantikan bandar sempena Sukan Komanwel 1998.

Tambahan sebanyak RM49 juta di bawah Maksud B.22 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk perbelanjaan berikut:-

- (i) sebanyak RM20 juta untuk promosi Sukan Komanwel 1998 di luar negeri;
- (ii) sebanyak RM15 juta untuk Tahun Sukan dan Rekreasi 1998;
- (iii) sebanyak RM10 juta untuk pameran dan pementasan kebudayaan negara peserta Sukan Komanwel 1998; dan
- (iv) sebanyak RM4 juta untuk Persidangan ASEAN Tourism 1997.

Tambahan sebanyak RM43.4 juta di bawah Maksud B.19 Kementerian Pertanian untuk membiayai skim subsidi baja padi.

Tambahan sebanyak RM35.4 juta di bawah Maksud B.52 Kementerian Kerja Raya untuk membiayai projek khas penyelenggaraan.

Tambahan sebanyak RM33.4 juta di bawah Maksud B.26 Kementerian Pendidikan untuk membiayai program Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) bagi tahun 1997.

Tambahan sebanyak RM18.4 juta di bawah Maksud B.42 Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk perbelanjaan berikut:-

- (i) sebanyak RM14.7 juta untuk menampung pelarasan gaji dan imbuhan perumahan

bagi Jabatan Perpaduan Negara, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Jabatan Kebajikan Masyarakat serta catuan makanan institusi-institusi kebajikan; dan

- (ii) sebanyak RM3.7 juta untuk sumbangan kerajaan kepada Yayasan Kebajikan Negara.

Tambahan sebanyak RM15.9 juta di bawah Maksud B.18 Kementerian Perusahaan Utama untuk perbelanjaan mengurus agensi getah bagi tempoh bulan Julai hingga Disember 1997 iaitu Bahagian Pelesenan dan Pengawasan Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia (MRELB) dan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (MRRDB).

Tambahan sebanyak RM13.7 juta di bawah Maksud B.44 Kementerian Penerangan untuk menjelaskan bayaran premium dan cukai tanah kepada beberapa kerajaan negeri yang telah meluluskan permohonan tanah bagi tapak pemancar, tapak transposer dan tapak kediaman kakitangan.

Tambahan sebanyak RM12.8 juta di bawah Maksud B.1 Parlimen untuk membiayai kerja-kerja kecil peningkatan kemudahan Parlimen, pelarasan elaun bulanan dan kenaikan kadar kelayakan Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen.

Tambahan sebanyak RM10.7 di bawah Maksud B.31 Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk membiayai bayaran emolumen kakitangannya.

Tambahan sebanyak RM10 juta di bawah Maksud B.28 Perbendaharaan sebagai sumbangan kerajaan kepada Yayasan Laporan Kewangan dan Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia.

Tambahan sebanyak RM9.5 juta di bawah Maksud B.37 Jabatan Imigresen untuk membiayai pembelian peralatan aktiviti penguatkuasaan, pembukaan laluan kedua CIQ Gelang Patah, pelaksanaan projek pengkomputeran Jabatan Imigresen dan perpindahan pasukan Petugas Pemandang Asing (PPA) dari Kementerian Dalam Negeri yang dikenali sebagai Bahagian Pekerja Asing.

Tambahan sebanyak RM7.6 juta di bawah Maksud B.47 Kementerian Pengangkutan untuk menjelaskan bayaran penyelenggaraan sistem perkhidmatan trafik udara.

Tambahan sebanyak RM5.4 juta di bawah Maksud B.16 Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk membiayai penyusunan semula organisasi dan perbelanjaan bagi utiliti iaitu air, elektrik dan telefon

berikutan kenaikan kadar tarif dan pembukaan balai-balai baru.

Tambahan sebanyak RM5.2 juta di bawah Maksud B.39 Jabatan Pendaftaran Negara untuk membiayai pembelian bay-stock bagi pengeluaran Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT) dan penyelenggaraan peralatan KPT.

Tambahan sebanyak RM5 juta di bawah Maksud B.36 Polis Diraja Malaysia bagi Jawatankuasa Kecil Keselamatan di bawah Polis Diraja Malaysia untuk mengendalikan kerja-kerja berkaitan keselamatan bagi mesyuarat G-15 ASEAN Informal Summit 1997, Sukan Komanwel 1998 dan mesyuarat APEC 1998.

Tambahan yang lain, sebanyak RM14.1 juta adalah dikehendaki untuk membiayai pelbagai perkhidmatan di bawah Maksud-maksud B.3 Jabatan Audit, B.11 Badan Pencegah Rasuah, B.34 Kementerian Kesihatan dan B.43 Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1997 adalah seperti dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 1997 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16A Tahun 1997.

Sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1997.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1997 adalah berjumlah RM260,721,103 iaitu perbelanjaan cara langsung. Tambahan tersebut adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan bagi kementerian-kementerian dan jabatan berikut:

Tambahan sebanyak RM138 juta di bawah Maksud P.17 Kementerian Belia dan Sukan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan di Stadium Utama Bukit Jalil, Stadium Tertutup Kompleks Renang dan menaikkan taraf lain-lain venue pertandingan Sukan Komanwel 1998 serta bagi menyediakan kemudahan di kawasan persekitaran Bukit Jalil.

Tambahan sebanyak RM25.8 juta di bawah Maksud P.45 Kementerian Sumber Manusia untuk membiayai pembelian peralatan dan kos pengambilan tanah beberapa institut latihan perindustrian iaitu di Kuala Lumpur, Muar dan Pasir Gudang di Johor, Mahang di Kedah, Chembong di

Negeri Sembilan, Sabah, Perlis serta Pusat Latihan Kemahiran Teknologi Tinggi di Johor dan Tabuh Naning di Melaka.

Tambahan sebanyak RM50.5 juta di bawah Maksud P.47 Kementerian Pengangkutan iaitu RM45 juta untuk pembelian 44 set train comuter electric multiple unit (EMU) dan sebanyak RM5.5 juta untuk kos kerja membaik pulih padang terbang Pulau Pangkor.

Tambahan sebanyak RM9 juta di bawah Maksud P.7 Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai kerja-kerja kecantikan sempena Sukan Komanwel.

Tambahan sebanyak RM7.5 juta di bawah Maksud P.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah juga untuk membiayai kerja-kerja kecantikan sempena Sukan Komanwel 1998.

Tambahan yang lain merupakan peruntukan tanda RM50 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.19 Kementerian Pertanian, P.28 Perbendaharaan, P.52 Kementerian Kerja Raya.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1997 adalah seperti yang dinyatakan dalam anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1997 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17A Tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1997 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL. 2) 1997

3.50 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:-

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang

tambahan sebanyak Ringgit Malaysia dua ratus enam puluh juta, tujuh ratus dua puluh satu ribu, satu ratus tiga (RM260,721,103) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1997, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia dua ratus enam puluh juta, tujuh ratus dua puluh satu ribu, satu ratus tiga (RM260,721,103) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1997 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang. Dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas sekarang. Kepong.

3.52 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam rang undang-undang ini dengan perasaan sangat sedih kerana pergolakan ekonomi Malaysia. Setelah lapan tahun pertumbuhan ekonomi mencapai lebih 8%, sikap mudah puas hati, dengan izin, complacency dan ketidakgiatan relatif, relative inaction, sudah menjadi penghalang kepada kerajaan untuk melindungi ekonominya daripada serangan-serangan golongan-golongan spekulator. Silap mata pecah kepala. Saya menyedari bahawa berapa berat mata memandangi, berat juga mata memikul. [Disampuk] Saya mengharapkan semua rakyat akan bekerjasama untuk mengatasi keadaan huru-

hara ekonomi kita. Walaupun saya tidak puas hati, berasa sedih, tetapi dalam saat negara ini menghadapi masalah, kita bersama-sama untuk mengatasinya.

Saya mempercayai bahawa seandainya negara kita mempunyai rizab lebih daripada AS\$200 bilion dan kelemahan-kelemahannya diperbaiki dengan secepat mungkin, golongan-golongan spekulator mestilah berwaspada sebelum membuat serangan ke atas Bursa Saham Kuala Lumpur dan Ringgit Malaysia. Setelah Hong Kong dikembalikan kepada China pada Julai lepas, jumlah rizab China telah mencatatkan AS\$180 bilion. Saya nampak para spekulator antarabangsa enggan menyerbu pasaran Hong Kong, mengapa? Saya mengakui bahawa struktur ekonomi China adalah tidak serupa dengan negara-negara ASEAN, termasuk Malaysia, tetapi buat masa ini pengerjaan para spekulator untuk melemahkan ekonomi Hong Kong masih tidak berlaku. Mungkin masa depan, saya tidak tahu, tetapi berdasarkan kepada asas-asas ekonomi di Hong Kong, buat masa ini mungkin tidak akan berlaku kejadian seperti di negara-negara ASEAN. Ekonomi bergelora telah melanda Thailand pada bulan Mei tahun ini dan keadaan ini telah merebak ke seluruh ASEAN, termasuk Singapura. Kerana rizab dan asas ekonomi Singapura kukuh, kesan kekacauannya tidak sehebat berbanding dengan Malaysia. Saya nampak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun setuju kerana asas-asas ekonomi Singapura lebih baik berbanding dengan Malaysia, maka kesan kacau-bilau ini tidak nampak sangat.

Seperti Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, 70% mata wang China bergantung kepada Dolar Amerika. Setelah wujudnya Euro, gabungan mata wang sesetengah negara Kesatuan Eropah, dikhabarkan bahawa China akan terus bergantung kepada Dolar Amerika. Kerajaan Malaysia haruslah mengumumkan apakah dasarnya terhadap Euro? Adakah dasar terhadap Dolar Amerika akan dikekalkan? Saya berpendapat bahawa kerajaan perlu berbuat demikian untuk menunjukkan dasar yang jelas. Walaupun beberapa bulan ini berlaku kekacauan, tetapi saya tidak nampak dasar ini diumumkan. Mungkin semasa Belanjawan tahun depan dibentangkan, dasar ini akan dijelaskan dengan teliti.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kekacauan ekonomi mula berlaku pada bulan Julai lepas, saya pernah menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa kita sewajarnya memahami banyak benar kerana golongan spekulator ini. Apakah bukti peranan George Soros? Ia satu kumpulan yang besar, tetapi

satu nama disebutkan dan berlaku pertelingkahan di antara George Soros dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apakah bank-bank tempatan sengaja atau tidak sengaja bersubahat dengan para spekulator? Kalau bank-bank tempatan ada bersubahat dengan para spekulator asing, apakah bank di negara ini yang berbuat demikian. Saya tekankan bahawa sama ada sengaja ataupun tidak sengaja. Saya telah menekankan betapa pentingnya kita mengenal pasti dan seterusnya memperbaiki kelemahan-kelemahan ekonomi kita termasuk pembaziran dan rasuah di sektor-sektor awam dan swasta. Ketika itu, adanya pihak kerajaan yang menyangkalkan kelemahan-kelemahan tersebut serta mempertahankan dasar kerajaan, termasuk mata wang Ringgit Malaysia yang bersangkutan kepada Dolar Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ada menyebutkan bahawa kerana kita bersangkutan dengan Dolar Amerika, maka dengan nilai Dolar Amerika meningkat, kita akan dapat banyak keuntungan. Memang daripada segi persepsinya, tetapi dalam persepsi yang lain bila wujudnya pergolakan ekonomi maka itulah salah satu punca yang menyebabkan pengaliran wang asing daripada negara ini kerana mereka jualkan Ringgit Malaysia untuk membeli Dolar Amerika. Itulah yang berlaku. Mungkin Yang Berhormat perlu memberi taklimat yang lebih lengkap kepada Timbalan Menteri Kewangannya supaya memahami apakah sebenarnya berlaku dengan dasar kita untuk bergantung kepada Dolar Amerika. Mungkin perlu kita tambahkan lagi mata wang yang lain untuk menyeimbangkan. Inilah saya tunggu dasar yang baru yang akan digubalkan oleh pihak kerajaan. Selagi pihak kerajaan tidak mengakui terdapat kelemahan-kelemahan tersebut dan selagi tidak ada usaha untuk membetulkan, kekacauan ekonomi akan terus berlaku.

Saya menyeru kerajaan supaya menitikberatkan kepentingan untuk mengidentifikasikan segala kelemahan ekonomi negara. Seterusnya, strategi untuk memperbaikinya digubalkan. Nampaknya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan hasratnya untuk mengadakan strategi bagi menyelesaikan permasalahan kekurangan nilai Ringgit sebanyak 24.5%. Memang kita memerlukan strategi seumpama ini untuk menghadapi konsekuensi kejatuhan nilai Ringgit itu. Yang Amat Berhormat patutlah mengumumkan butiran strategi tersebut agar rakyat dapat bersama-sama mengatasi kesusahannya.

Pagi ini saya telah membaca bahawa pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menyeru rakyat Malaysia terutamanya peniaga-peniaga dan pedagang-pedagang supaya jangan memberhentikan pekerja-pekerja. Apabila kita menghadapi kesusahan sekarang, jangan sekali-kali hanya bergantung kepada sikap hendak untung sahaja. Memang saya berharap semua peniaga akan mendengar nasihat ini, tetapi walau bagaimanapun, kita tetap menghadapi kesusahan.

Pada akhir-akhir ini, Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga barang-barang telah menjadi-jadi khasnya setelah berlakunya penurunan nilai Ringgit dan bencana jerebu. Memang berkaitan, penurunan nilai Ringgit Malaysia dan kenaikan indeks pencemaran jerebu (IPU). Mata wang jatuh, IPU naik. Kedua-dua ini - dwi faktor ini menyebabkan kenaikan harga barang-barang. Harga barang-barang import semacam gandum telah meningkat. Para pengilang tepung gandum sedang mendesak kerajaan supaya membenarkan kenaikan harga tepung sebanyak 20 sen sekilo.

Menurut perjanjian, kerajaan mengizinkan PLUS menaikkan tarif 7% bermula dari awal tahun depan, iaitu 11.24 sen sekilometer. Pada mulanya, kadar tol adalah hanya 5 sen sekilometer. Kini, dari Bukit Kayu Hitam, Kedah, ke Johor Bahru akan ditambahkan daripada RM80.80 kepada RM86.50. Lebu-lebu raya bertol telah dibenarkan menaikkan tarifnya. Ini akan diikuti dengan kenaikan harga barang-barang kerana kos pengangkutan telah dijadikan salah satu alasan mengapa harga perlu dinaikkan. Bagaimana kerajaan boleh meyakinkan rakyat inflasi dapat disekatkan? Saya berpendapat bahawa kerajaan hendaklah mengkaji semula dasar konsesi lebu-lebu raya bertol untuk memelihara kepentingan rakyat kerana termaktub di dalam perjanjian ini sekian-sekian banyak akan dibenarkan kenaikan tarif jalan bertol ini. *[Yang Berhormat dari Parit Sulong masuk ke Dewan]* Walaupun Yang Berhormat Parit yang Sulong suka kenaikan tarif jalan bertol ini, tetapi tidak semua orang. Ha-tidak dengar? Saya kata Yang Berhormat dari Parit yang Sulong suka kepada kenaikan tarif jalan bertol kerana saya tidak pernah mendengar dia membantah.

Tuan Yang di-Pertua, harga pelbagai barang semacam kacang kedelai (soya) telah meningkat, harga sekeping tauhu telah naik dari 90 sen kepada RM1.20, begitu juga dengan tauge dan barang-barang yang lain. Apakah langkah-langkah yang berkesan yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal

Ehwal Pengguna untuk membendung inflasi? Strategi menghadapi penurunan nilai Ringgit memang penting. Kementerian ini patutlah diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga untuk mencegah kenaikan harga barang-barang oleh para peniaga yang menahan jerat di pergentingan.

Yang penting sekali, kita mesti menerangkan apakah yang dimaksudkan sebagai inflasi sifar, sebab tahun lepas kita dengar dengan lantang inflasi sifar. Sifar ke mana, saya pun tidak tahu. *[Disampuk]* Sifar menjadi sifar-sifar. Saya berharap Yang Berhormat Parit yang Sulong pun ada melaungkan mengenai inflasi sifar dan kita perlu menjelaskan apakah yang dimaksudkan sebagai inflasi sifar. Di dalam keadaan ekonomi bergelora ini, adakah dasar inflasi sifar ini masih dikuatkuasakan? Memang penting.

Sambil mengharapkan kerajaan meletakkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam keadaan berjaga-jaga, kita berharap kementerian ini dapat bertindak dengan berkesan untuk mencegah kenaikan barang-barang oleh para peniaga yang menahan jerat di pergentingan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] mempengerusikan Mesyuarat]

Saya mengharapkan kerajaan akan menggendong rakyat untuk mengatasi inflasi akibat kejatuhan nilai mata wang, kita hendak menyaksikan langkah-langkah yang berkesan untuk membetulkan kelemahan-kelemahan ekonomi. Menurut Menteri Kewangan, langkah-langkah khusus bagi mengurangkan tekanan kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran dalam tempoh yang singkat ini adalah seperti berikut:-

- (i) menanggungkan beberapa projek infrastruktur yang besar;
- (ii) membuat potongan menyeluruh sebanyak 2% dalam perbelanjaan kerajaan; dan
- (iii) menilai semula dan membatalkan, sekiranya difikirkan perlu, pembelian barangan asing yang banyak oleh agensi-agensi kerajaan dan meningkatkan penggunaan bahan-bahan tempatan dalam projek-projek penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah seumpama ini mempunyai meritnya, tetapi ianya tidak mencukupi. Penangguhan Projek Hidroelektrik Bakun yang dianggarkan menelan belanja RM15 bilion, Projek Linear City RM10 bilion, Northern Airport - ini pelik juga, dan Projek

Lebuhraya Pergunungan RM4 bilion dengan jumlahnya RM33 bilion akan melegakan tekanan kepada sumber kewangan negara dan mengurangkan tukaran wang asing di masa hadapan. Begitu juga dengan penangguhan projek-projek yang mempunyai kandungan import yang tinggi. Memang dasar ini perlu dijalankan.

Walau bagaimanapun, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah menyarankan betapa pentingnya memberhentikan pembaziran di sektor awam termasuk pengurangan perbelanjaan untuk menghantar rombongan ke luar negara jika ia mungkin mendatangkan manfaat, pengubahelohan pejabat dan sebagainya. Potongan menyeluruh sebanyak 2% perbelanjaan kerajaan akan memaksa semua jabatan berjimat-cermat. Diharapkan bahawa semua potongan dan penangguhan projek-projek tidak akan menjejaskan projek-projek pendidikan dan latihan, kesihatan, pembangunan sosio-ekonomi termasuk pembasmian kemiskinan dan pembangunan luar bandar. Semua ini projek asas yang penting untuk menyeimbangkan perkembangan di negara ini.

Walau bagaimanapun, saya telah berkali-kali membangkitkan masalah pembaziran dalam Dewan yang mulia ini, terutamanya semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun sering mendengar hujah saya mengenai pemborosan yang amat sangat. Sekarang Yang Amat Berhormat mengambil perhatian terhadap masalah ini. Menurut beliau, jika jabatan-jabatan kerajaan dapat membendung amalan boros, kerajaan akan menjimatkan berpuluh-puluh juta ringgit setahun. Sekiranya amalan jimat-cermat ini dipraktikkan di semua sektor, termasuk sektor swasta, maka negara ini mungkin dapat menjimatkan beratus-ratus juta ringgit setahun.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, perlu kita mengkaji dalam tempoh 8 atau 10 tahun ini. Misalnya, saya tengok banyak negeri menghantar rombongan. Satu negeri kadangkala satu tahun, dua, tiga rombongan atau lebih untuk pergi ke Kanada, United Kingdom, Australia dan Jepun. Saya pun tidak tahu rombongan makan angin ataupun rombongan untuk mempelajari.....*[Disampuk]* Oh, banyak sungutan di sini mengenai rombongan, sama ada rombongan daripada Persekutuan ataupun daripada negeri-negeri masing-masing perlu mengkaji, bukan sahaja kita letakkan dasar potong 2% perbelanjaan, itu sahaja tidak guna. Kita mesti mengkaji semua

golongan ini, semua rombongan sama ada rombongan makan angin ke Gold Coast - ada Gold Coast juga di Australia, ha, ramai orang pergi. Apakah maksud rombongan ini? Kita mesti kaji. Kalau benar-benar membawa manfaat kepada ekonomi dan masyarakat Malaysia, itu memang kita galakkan. Tetapi setakat makan angin sahaja, tidak payahlah, kita jimatkan.

Tuan Yang di-Pertua, pembaziran memang berlaku sama ada di sektor awam ataupun di sektor swasta. Misalnya, dalam usaha untuk menyelesaikan projek-projek raksasa dengan lebih awal, kerana ia ada satu sasaran, satu matlamat untuk dicapai hendak menyegerakan projek ini, seperti KLLA, Putrajaya, LRT, Monorel, Kompleks Sukan Bukit Jalil - di sini ada peruntukan untuk Bukit Jalil dan sebagainya, giliran bekerja (shift) ditambahkan, giliran larut malam (night shift) dan bahan-bahan ditempah khas. Semua ini memang telah menyebabkan kos melambung naik dengan sangat besar. Giliran malam (night shift) memang kos itu sangat tinggi, kerana dia hendak menyelesaikan projek dengan cepat dan barang-barang tidak terdapat di tempatan, terpaksa dibeli daripada seberang laut dan dikejar untuk projek dan ini memang menaikkan kos. Dan juga kontrak-kontrak, tender-tender, bila kita mempertimbangkan projek-projek dan tender-tender untuk projek-projek raksasa ini, adakah kos pembaziran dipertimbangkan?

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa kerajaan haruslah mengkaji kos semua projek dengan maksud untuk mengurangkan segala jenis pembaziran. Biasanya di dalam projek-projek yang diswastakan, kongsi luar negara membawa pakar-pakar atau apa yang dikatakan sebagai pakar dengan gaji yang beberapa kali ganda berbanding dengan gaji pakar-pakar tempatan. Seorang jurutera daripada Malaysia dibayar mungkin RM5,000 tetapi daripada United Kingdom ataupun Australia mungkin dibayar RM20,000. Itu perbezaan walaupun kelayakan sama ataupun kepakaran sama, tetapi kerana dia datang daripada luar, dia memang mendapat gaji yang beberapa kali ganda. Begitu juga dengan barang-barang import yang dicadang oleh pihak kongsi ini. Bayaran pakar runding, pengangkutan dan insurans menambahkan kepada kos yang amat tinggi. Sungguhpun permasalahan ini adalah diketahui oleh kerajaan, tetapi kerana faktor-faktor yang tertentu, pengaliran wang ini ke luar negara tidak dapat dielakkan, tidak dapat dibendungkan

Selain daripada berikhtiar untuk menentukan projek-projek yang mempunyai kandungan tempatan

yang tinggi, Jawatankuasa Perolehan Tak Ketara Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri patutlah mengumumkan strategi baru bagi mengurangkan kehilangan wang tukaran asing ini, wang perolehan tak ketara ini.

Meskipun negara-negara maju dan kaya memperolehi pelbagai helah kewangan untuk mengongkong ekonomi negara-negara yang kurang maju termasuk Malaysia, kita terpaksa bekerja dengan bersungguh-sungguh untuk membetulkan segala cacat-cela ekonomi negara termasuk amalan-amalan yang boleh dipertikaikan. Contoh-contohnya ialah EON, Telekom, Intrakota, Park May, Puspakom. Semua ini ialah projek-projek penswastaaan.

Proton mendapat perlindungan tarif daripada kerajaan. Seterusnya, EON menikmati syarat-syarat yang baik. Kerajaan wajib mengkaji sama ada semua amalan EON mengikut cara-cara yang baik untuk ekonomi bebas sama ada setengah-setengah amalannya adalah mirip kepada monopoli. Bagi setiap orang jurujual EON, dia terpaksa menjual sekurang-kurangnya 12 unit sebulan atau 36 unit sesuku (one quarter) termasuk sebuah Proton Perdana. 70% daripada jualanannya mestilah melalui syarikat insurans sendiri (in-house insurance), 60% invois jualanannya harus mengandungi bayaran ansuran (hire purchase). 3 unit kereta lama 'trade in' adalah diberi kepada Motoria, anak syarikat EON yang menjual kereta-kereta terpakai. Jadi, kita bingung juga sama ada EON ini untuk menjual kereta Proton yang baru ataupun untuk menjual kereta terpakai. Ini memang satu kebingungan yang wujud pada masa ini. Insentif bagi jurujualnya ialah RM100 seunit jika syarat-syarat tersebut dipatuhi. Ini tidak termasuk pelbagai aksesori yang dibekalkan dengan motokarnya. Kalau hendak beli kereta Proton memang termasuklah aksesori-aksesori yang ditetapkannya, tidak boleh kita hendak cari aksesori yang lain. Sebaliknya, seorang jurujual di syarikat-syarikat yang lain, disyaratkan menjual 6-7 unit motokar sebulan dan semua pinjaman ansuran adalah fleksibel. Ini perbezaannya. Kita mesti mengkaji syarikat-syarikat seumpama ini, bukan sahaja EON tetapi syarikat yang lain juga. Kita hendak tahu adakah amalannya sesuai dengan ekonomi bebas. Adakah sesuai untuk memenuhi strategi-strategi yang bakal digubalkan untuk menghadapi krisis atau kekacauan ekonomi kita. Ini memang penting.

Tuan Yang di-Pertua, setelah diswastakan Telekom telah meraih keuntungan yang banyak.

Kita mengharapkan pelaburan semula dan perkhidmatan yang baik daripada syarikat ini. Dalam keadaan monopoli ini, masalah perkhidmatan timbul. Kerajaan perlu mengkaji sistem bil Telekom sama ada adil daripada cagaran sampai ke naan bayaran tiap-tiap bulan. Sama ada sistem yang digunakan oleh Telekom, bukan sahaja Telekom, Celcom, telefon-telefon bimbit pun mengikut amalan Telekom. Syarikat-syarikat telefon bimbit yang lain ikut jejak amalan Telekom Malaysia. Kita mesti kaji semua bil itu adakah adil untuk pelanggan-pelanggan dan pengguna-penggunanya, sebab pihak kerajaan tidak pernah mengkaji bil-bil ini sama ada adil ataupun tidak. Sebab itu saya menyeru pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya mengkaji semua amalan bil-bil oleh Telekom Malaysia dan juga semua syarikat telefon bimbit (cellular phone).

Tuan Yang di-Pertua, misalnya nombor-nombor telefon yang ada sering disebutkan sebagai 'tidak ada dalam perkhidmatan'. Bila kita dengar 'tidak ada dalam perkhidmatan', kita tahu itu bohong belaka. Pagi ini, saya menelefon 2397307, Bahagian Perundangan, Dewan Rakyat, dua kali, saya diberitahu bahawa nombor ini 'tidak ada dalam perkhidmatan' dan dirujuk kepada 103. Ini bukan kali yang pertama walhal saya melalui ibu sawat, saya dapat nombor yang sama di Dewan Rakyat. Apakah yang telah terjadi? Ini satu perkara remeh-temeh, tetapi menunjukkan satu sistem yang ada cacat-cela, perkhidmatan yang kurang sempurna yang membebankan, menyusahkan para pengguna. Semua ini kita mesti kaji dan dimasukkan di dalam strategi untuk menghadapi keadaan ekonomi bergelora ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada rakan saya dan mungkin ada beberapa orang lagi yang hendak mengambil bahagian di dalam ucapan ini. Saya cuma akan menyentuh dua, tiga perkara lagi termasuk cara-cara lain yang perlu diambil untuk mengatasi masalah ekonomi kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai satu aspek defisit akaun semasa. Saya berpendapat pihak Kementerian Kewangan bukan sahaja setakat mengkaji masalah hartanah di Malaysia sekarang, bukan setakat itu, itu perlu, mengkaji sama ada dasar baru ceiling untuk pinjaman daripada semua bank kepada pembelian dan pembinaan hartanah, sama ada semua ini dipatuhi dengan sepenuhnya. Memang kita mesti kaji. Selain daripada itu, kita mesti mengkaji semua sektor pembinaan ini daripada pelbagai segi, termasuk pekerja-pekerja asing kerana sektor pembinaan bersama-sama

dengan sektor perladangan menggunakan beratus-ratus ribu pekerja asing. Kalau tidak ada pekerja asing, susahlah sektor pembinaan, tidak boleh hidup langsung. Walaupun mereka ada sumbangan kepada ekonomi kita, bukan sahaja dari segi levi kerana menyiapkan kerja-kerja yang diperlukan, walau bagaimanapun, mereka ini memang menghantar balik wang kepada negara-negara asal dan ini satu kehilangan tukaran asing kita. Bahan-bahan asing yang diimport dan bayaran untuk pakar runding dan sebagainya, memang satu perkara yang penting.

Saya berpendapat biasanya sektor pembinaan ini tidak mempunyai peluang terhad untuk mendapat tukaran asing bagi negara ini untuk menguntungkan negara. Saya berharap tumpuan yang lebih diadakan untuk perumahan kos rendah dan kos sederhana. Saya akan membangkitkan hal ini semasa membincangkan Belanjawan kelak dan juga import barang-barang mewah mesti kita naikkan cukai kepada import seumpama ini, sama ada kereta, kelengkapan yang canggih dan sebagainya. Dan mungkinlah pada hari Jumaat kelak kita akan dengar satu percukaian ke atas barang-barang seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini ialah Hari Makanan Sedunia (World Food Day). Kita memang hendak menyaksikan sektor makanan di negara ini, kita boleh kurangkan import kerana tiap-tiap tahun import makanan itu hampir RM7 bilion. Ini memang satu angka yang besar. Saya berharap pihak kerajaan dapat mengambil perhatian dari segi mewujudkan peluang kepada pengusaha-pengusaha tempatan untuk mengeluarkan lebih banyak makanan bagi self-sufficiency. Dari segi bekalan ayam kita, memang cukup. Dari segi khinzir pun cukup, tetapi ada masalah juga kerana pihak kerajaan tidak dapat mengadakan tapak-tapak yang sesuai dan dengan harga yang berpatutan bagi pengusaha-pengusaha khinzir ini. Dan dari segi bekalan telur pun, kita ada lebihan di negara ini dan boleh dieksportkan. Saya menyeru supaya kita menumpukan lebih perhatian kepada industri makanan untuk dieksport. Kita tidak payah hendak import barang-barang makanan ini kecuali apa yang tidak dapat diwujudkan di negara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya ada banyak perkara untuk dibincangkan, cuma saya akan mengakhiri dengan dua perkara sahaja, iaitu di dalam strategi untuk memulihkan ekonomi kita ini, memang saya bersetuju dengan kerajaan menggalakkan untuk memupukkan Koridor Raya Multimedia (MSC). Daripada jawapan kepada soalan saya minggu lepas,

Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah mengatakan bahawa sebahagian besar daripada RM1.83 bilion yang dijangka akan dilaburkan oleh 54 syarikat yang telah dianugerahkan status MSC akan dilaburkan oleh syarikat asing. Penurunan nilai Ringgit Malaysia tidak akan menjadi penghalang. Sebaliknya, ia boleh menjadi penarikan kepada syarikat asing untuk melabur di Malaysia. Saya pun tidak tahu sama ada ini telah menjejaskan projek MSC.

Walau bagaimanapun, ada beberapa perkara dan saya nampak tidak dilakukan dengan baik. Setakat ini kalau tidak silap saya pelanggan untuk Internet hanya 164,000, memang rendah. Kerana kita sudah berusaha sudah lebih beberapa tahun? Lebih lima tahun untuk Internet, tetapi 164,000, sangat rendahlah angkanya. Ini bermakna kita perlu mempertingkatkan usaha termasuk yang pertama, di sekolah, bagaimana kita boleh melatih pelajar-pelajar di sekolah, dan kedua, penyertaan syarikat asing. Walaupun tadi ada saya sebutkan daripada jawapan kementeriannya, tetapi saya nampak walaupun daripada kenyataan sangat baik, tetapi daripada praktiknya saya kurang nampak lagi. Yang ketiga, mengenai peraturan-peraturan yang lebih longgar yang diperlukan untuk menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat asing. Yang keempat, kursus-kursus terutamanya kursus kembar, twinning, daripada firma-firma asing dengan firma tempatan, memang kita mesti galakkan kursus-kursus kembar seumpama ini. Kelima, mengenai penghantaran pelajar-pelajar kita ke seberang laut untuk latihan teknologi maklumat, sebab kita kekurangan kalau tidak silap 30,000 sekarang. Sekurang-kurang....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada IT di Yan, cuma ada tangga 39, 39 steps.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Baru gunting rambutkah?

Dr. Tan Seng Giaw: 39 steps sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak beri jalan?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, dengan keadaan kita berjimat-jimat sekarang ini, adalah lebih

baik kita mengadakan pusat-pusat latihan IT di Malaysia sendiri daripada kita menghantar anak-anak buah kita ke luar negara untuk mempelajari di sana. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya. Kerana di Yan sendiri pun selain daripada tenaga kita akan menggunakan sistem IT apabila orang naik tangga itu supaya dia tidak akan sesat dalam hutan. Jadi, kita ada komputer centre di pertengahan perjalanan naik ke atas puncak Gunung Jerai?

Dr. Tan Seng Giaw: Memang kalau kita ada tenaga pengajar, kita ada kemudahan yang cukup, itu satu cadangan yang baiklah. Bukan semua cadangan daripada Yan tidak baik, ada baik juga.
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, sebab kita tidak cukup kemudahan, tidak cukup tenaga pengajar, buat masa ini kita perlu menghantar para pelajar ke luar negara untuk mempelajari IT.

Yang keenam, mengenai menanam seed capital ala-Silicon Valley untuk pengusaha-pengusaha muda Malaysia supaya kita dapat wujud satu sistem teknologi maklumat yang lebih sempurna.

Akhir sekali, mengenai

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pihak parti DAP sungguhpun daripada pembangkang bersedia bersetuju usaha kerajaan untuk mempromosikan IT sepertimana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa melancarkan kempen IT dua hari lepas. Kalau sungguhpun pihak pembangkang bersedia memberikan sokongan tanpa sebarang prasyarat, mengapakah pihak kerajaan begitu takut untuk mengundang pemimpin-pemimpin pembangkang yang saya rasa pakar dengan IT seperti Yang Berhormat dari Kepong, bukan sahaja pakar dari segi IT tetapi dari segi penyampaiannya tentang isu IT adalah begitu fasih sekali. Mengapa tidak mengundang pemimpin parti pembangkang bersama-sama menyokong mempromosikan IT supaya rakyat boleh lihat ini ialah betul-betul satu usaha nasional, bukanlah tertakluk kepada politik sahaja, tetapi satu usaha rasional yang disokong oleh segala lapisan rakyat. Mengapakah kerajaan begitu takut sekali, adakah kerana mereka takut mereka tidak ada pakar yang sama daripada pihak mereka ataupun takut untuk memberikan peluang kepada parti pembangkang?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan yang betul. *[Ketawa]* Cuma satu sahaja, saya pun bukan pakar, cuma belajar sedikit.

Seorang Ahli: Hang pakar kulit ya!

Dr. Tan Seng Giaw: Saya belajar sedikit. Saya ada gunakan tiap-tiap hari, saya belajar sedikit sahaja.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Adakah Yang Berhormat bersetuju, di dalam parti pembangkang saya nampak sistem sandiwara. Kota Melaka angkat Kepong, Kepong puji Kota Melaka, kemudian teringin hendak masuk IT. Kalau kita hendak masuk, hendak minta sesuatu, kita minta dengan cara yang baik. Saya bersetuju macam parti pembangkang akhir-akhir ini menyokong kerajaan, termasuk parti DAP dan parti lain menyokong kerajaan apabila kita menghadapi masalah ekonomi. Ini adalah satu petanda yang baik. Saya ingat benda ini berlarutan kita akan ada satu negara yang cukup baik hubungan antara satu sama lain dan mungkin DAP boleh masuk Barisan Nasional bersama PBS dan wakil tunggal PAS yang ada itu, dia bukan erti apa sangat, tetapi tidak mengapa masuk, kita terima.

Tuan Lim Guan Eng: Jangan mimpilah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bersetujukah? Kita tidak usah sandiwaralah. Ini dok angkat hang-aku tidak jadi. Terima kasih Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang tabiat atau tabii Yan serupa inilah. Memang kalau dia tidak dikatakan sandiwara pun serupa jugalah. Tidak jauh daripada tukang apa?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tukang karut.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada yang disebutkan 'tukang karut'. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Nampaknya wakil tunggal PAS dia bacul, Tuan Yang di-Pertua. Dia bercakap melalui 'Internet' ke Kepong. *[Ketawa]* Kalau dia anak jantan dia bangkit minta penjelasan. Tahulah saya ajar dia. *[Ketawa]* Yang Berhormat dari Kepong bersetujukah be gentleman. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat dari Yan, saya menyeru supaya Yan balik ke Yan untuk memastikan tangga-tangga 39 steps itu disempurnakan, kerana saya nampak tak dijalankan dengan baik. Itu bukan IT, itu perkara biasa sahaja.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya baru datang daripada Yan. Flight saya jam 2.20 sebab itu saya lewat sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Sampai hari ini, Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi saya telah check dengan pihak gotong royong yang telah buat tangga itu telah sampai 486 anak tangga. Jadi, Yang Berhormat dari Kepong dengan fikiran yang terkepong, jangan dok menuduh Yan, gunung yang begitu indah di dunia ini begitu ketinggalan. Kalau tidak ada gunung itu, macam mana kita hendak pancarkan satelit dan sebagainya di Malaysia terutama sekali di Kedah, televisyen dan sebagainya. Itulah satu-satunya gunung, Tuan Yang di-Pertua, gunung yang berada dalam bandar. Pergilah cari lain gunung semua dalam hutan. Ini benda yang logik, benda yang betul, satu gunung yang begitu besar berada di dalam bandar. Jadi, Yang Berhormat dari Kepong saya ingat dia kena melawat ke luar negara sedikit tengok Switzerland lebih kurang macam Yan, cuma tidak ada snow sahaja. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu bukit Jerai sahaja.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Gunung.

Dr. Tan Seng Giaw: Gunung macam mana pula. Bukit sahaja, satu banjaran yang rendah. Tengok di Switzerland macam mana boleh dibandingkan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, daripada hujah Yang Berhormat tadi beliau ada menyentuh mengenai Kompleks Sukan Bukit Jalil dan juga P.7, P.14 dan P.17 semua dituju kepada hasrat untuk disiapkan bagi SUKOM. Saya berharap dengan perbelanjaan berbilion-bilion ringgit ini kita akan meningkatkan

pelancong ke negara ini. Sebab setiap tahun resit-resit pelancongan berjumlah lebih RM10 bilion, kedua besar resit tourism di dalam GDP Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan sudah mengumumkan tidak akan menuntut pampasan daripada pihak jiran kita, kita mesti memberitahu kepada Kerajaan Republik Indonesia bahawa jerebu yang sedang melanda dan terus melanda kerana cuaca kering, El Nino masih melanda kita, dan ramalan kaji cuaca satelit Amerika sudah meramalkan bahawa kesan-kesan El Nino akan terus sehingga tahun depan. Kalau kita tidak ada monsun dan jerebu akan melanda ke Kuala Lumpur dan sekitarnya lagi. Bilangan pelancong ke negara ini sudah kurang hampir 40% daripada resit-resit pelancongan RM10 bilion tahun ini mungkin kurang RM4 bilion. Itu daripada pelancongan sahaja, tidak ditibangkan dengan sektor-sektor yang lain.

Kita mesti beritahu Indonesia itulah kerugian yang ditanggung oleh Malaysia walaupun kalau semua negara yang terjerebu menuntut pampasan memang pihak Indonesia tidak boleh bayar. Tidak boleh bayar kerana serangan ke atas Rupiah pun sekarang lebih teruk daripada Malaysia. Saya dengar Indonesia hendak jemput IMF. Sebab kita mempunyai semangat kejiranan, saya berharap Indonesia tidak akan mengalami kesusahan seperti yang dialami oleh Thailand. Walau bagaimanapun, kita mesti memberitahu kepada pihak Indonesia bahawa kita menampung kerugian yang besar. Kalau tidak boleh bayar, maka mesti ada usaha yang berkesan untuk mencegah segala kebakaran di nusantara Indonesia.

Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, menurut angka yang terbaru daripada Yang Berhormat dari Tanjong kita buat kempen tandatangan orang-orang yang tidak suka kepada jerebu. Sekarang bilangan orang yang tandatangan sudah lebih 30,000. Itu pun 10 hari sahaja, [*Tepuk*] sudah lebih 30,000. Lebih 30,000 semuanya ini menuntut pampasan. Kita ada borang-borang untuk tandatangan, saya berharap semua Yang Berhormat dapat menyertai, kita bersama-samalah berkempen. [*Ketawa*] [*Tepuk*] Kita beritahu Indonesia tidak boleh terima lagi jerebu bertahun-tahun, lebih satu dekad. Kita tidak bolehlah menyebutkan alasan seperti El Nino sahaja. Kebanyakan bukan El Nino, tetapi penguatkuasaan itu kurang dan kebudayaan untuk membakar.

Sementara itu, saya berharaplah di mana-mana di tanahair kita, kita tidak mahu amalan ataupun budaya membakar juga. Ini termasuk rakan-rakan

di Sabah dan Sarawak juga, kita mesti menumpu perhatian kepada amalan bakar, tanam dan bakar dan sebagainya mesti kita menumpukan perhatian. Jangan sehingga Perdana Menteri kita terpaksa memohon maaf kepada orang lain. Kita tidak mahu kejadian seperti ini berlaku di negara ini.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan, saya berpendapat bahawa selain daripada kita menuntut pampasan daripada Indonesia, kita mesti berusaha dengan lebih giat untuk meningkatkan kebolehan dan juga keupayaan kita untuk menampung lebih ramai pelancong di negara ini. Walaupun kemudahan-kemudahan untuk sukan itu baik, bukan tidak baik, adakah ini cukup untuk menarik bilangan pelancong memandangkan jumlah yang dibelanjanya berbilion-bilion ringgit, bukan setakat RM300 juta yang dianggarkan untuk SUKOM sahaja. Bahkan juga perbelanjaan untuk menyiapkan prasarana bagi sukan ini sudah meningkat kepada berbilion ringgit. Sebab itulah kita perlu menggunakan semua kemudahan ini dengan sepenuhnya untuk menggalakkan para pelancong ke negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Balik Pulau.

4.50 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat menghormati dan akan mempertahankan hak untuk mana-mana ahli untuk bercakap. Ahli Yang Berhormat dari Kepong hak dia untuk bercakap sepanjang mana dan bila mana dia hendak bercakap dan saya akan menghormati dan mempertahankannya. Tetapi beliau menggunakan hak itu dengan bercakap melelong. Tetapi walau bagaimanapun, saya sentiasa menghormati hak Yang Berhormat untuk bangun dan bercakap menggunakan peraturan mesyuarat yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan kesempatan yang pertama dalam Mesyuarat Ketiga dalam Penggal ini yang saya dapat bercakap. Antara perkara yang ingin saya mengambil kesempatan di sini hari ini ialah untuk memperkatakan sedikit tentang masalah yang banyak diperkatakan sekarang iaitu tentang kejatuhan nilai Ringgit, kejatuhan dalam pasaran saham, Bursa Saham Kuala Lumpur dan umumnya masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara sekarang ini ataupun krisis ekonomi yang dihadapi oleh negara sekarang ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini memberi sedikit pandangan saya tentang tafsiran saya

tentang masalah ini dan sekaligus ingin mencadangkan beberapa perkara untuk dipertimbangkan oleh kementerian-kementerian yang berkenaan sekadar sumbangan saya sebagai seorang Ahli Dewan Rakyat.

Saya berpendapat bahawa fenomena kejatuhan Ringgit yang kita saksikan dalam dua bulan yang lalu, satu kejatuhan yang agak mendadak, adalah merupakan pada pendapat saya fenomena jangka pendek yang bersifat transitory yang juga pada hemat saya adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang jangka pendek juga. Antara lain ianya disebabkan oleh convergence beberapa perkara, kebetulan nilai Dolar Amerika sedang semakin kuat dalam pasaran mata wang antarabangsa. Pada masa yang sama krisis yang melanda Thailand telah menimbulkan sedikit krisis keyakinan di rantau ASEAN ini dan sekaligus menjejaskan keyakinan di atas ekonomi negara Malaysia. Pada masa yang sama juga kita dapati oleh sebab pulangan yang lebih tinggi mungkin di pasaran-pasaran yang lain, kita dapati terdapat aliran keluar modal jangka pendek yang agak banyak daripada negara kita.

Jadi, semua ini membuka pintu dan memberi ruang untuk spekulasi berlaku, dan spekulasi ini telah menyebabkan kejatuhan nilai Ringgit yang telah melampau pada tahap yang tertentu sehingga pada satu ketika menyentuh nilai RM3.4 untuk tiap-tiap Dolar Amerika, satu nilai yang terlalu rendah yang tidak sepatutnya berlaku. Tetapi itu adalah kesan daripada spekulasi. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa fenomena ini seperti yang saya kata tadi adalah satu fenomena jangka pendek disebabkan oleh faktor-faktor jangka pendek.

Saya ingin pergi kepada perkara-perkara yang lain yang patut kita bincang, iaitu bagaimanakah kita mahu mengukuhkan struktur dan juga keadaan ekonomi kita secara keseluruhan untuk kita mempunyai lebih persiapan dan kekuatan untuk berdepan dengan fenomena spekulasi ini yang memangnya akan berlaku. Kita harus sedar bahawa dalam keadaan pasaran mana pun, pasaran mata wang, pasaran apa pun usaha ataupun kegiatan spekulasi adalah suatu yang biasa dalam mana-mana pasaran. Tanpa diadakan spekulasi tidak ada kecairan dalam mana-mana pasaran. Tinggal lagi kalau ada lebih spekulasi itu, jadilah manipulasi dan itu merupakan satu masalah. Tetapi usaha ataupun kegiatan spekulasi dalam mana-mana pasaran pada pendapat saya adalah satu yang biasa. Spekulasi adalah hanya mereka membuat keputusan berdasarkan apa yang diberi oleh pasaran. Pasaran menawarkan peluang-peluang yang tersebut, maka

orang yang melakukan spekulasi mengambil advantage peluang-peluang yang diwujudkan oleh pasaran.

Yang perlu kita kena lihat kenapakah peluang-peluang yang tersebut wujud "in the first place" dengan izin. Kita tidak boleh condemn speculation per se, tetapi kita harus lihat kepada kenapakah spekulasi itu berlaku in the first place. Dalam satu pasaran yang cekap, pasaran yang mana harga telah ditentukan oleh mekanisme yang cekap, maka ruang untuk spekulasi menjadi sedikit....

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Ucapan Yang Berhormat dari Balik Pulau bahawa kegiatan-kegiatan spekulasi ialah biasa. Nampaknya like a breath of fresh air khasnya dalam negara kita apabila ada begitu banyak hujah-hujah dan kempen yang kata bahawa krisis ekonomi, krisis kewangan, krisis pasaran saham ialah oleh kerana ada conspiracy luar yang mahu menjatuhkan ekonomi. Daripada ucapan Yang Berhormat adakah beliau bersetuju bahawa masalah Malaysia bukannya George Soros, tetapi masalah yang mungkin Yang Berhormat akan sampai mengenai kenapa boleh berlaku orang-orang yang mahu dapat peluang untuk menjalankan kegiatan-kegiatan spekulasi, masalahnya bukan George Soros.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, rakan dari satu negeri dengan saya. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, saya sebenarnya sedang bercakap tentang spekulasi dalam mana-mana pasaran secara umum. Apa yang berlaku kepada Malaysia saya ingat ialah bukan setakat spekulasi, tetapi manipulasi yang dilakukan oleh peniaga mata wang yang mana bukan George Soros seorang sahaja, tetapi ada banyak currency traders seperti beliau terlibat. Mereka mempunyai kuasa pasaran yang membolehkan mereka menentukan pergerakan harga. Jadi, apa yang berlaku apabila spekulasi ini dicetus dengan sebab-sebab yang tertentu yang saya sebutkan tadi, ia membuka peluang kepada mereka ini seperti Soros untuk memanipulasikan pasaran mata wang yang ada di negara-negara ASEAN.

Manipulasi berbeza dengan spekulasi. Spekulasi adalah seperti yang saya katakan tadi, spekulasi ialah orang bertindak dengan mengambil kira isyarat-isyarat yang diberikan oleh pasaran. Ada yang

sanggup mengambil risiko dan dia mengambil kedudukan yang tertentu, dan ada orang yang sanggup mengambil risiko untuk mengambil kedudukan yang sebaliknya. Tetapi apa yang berlaku dalam pasaran kewangan di negara-negara ASEAN ialah berlakunya manipulasi seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau bukan oppose spekulasi *per se*, tetapi beliau menentang manipulasi yang dilakukan, dan manipulasi ini telah mengakibatkan kejatuhan nilai Ringgit, nilai Rupiah, nilai Peso, nilai Baht. Walau apa pun Yang Berhormat mungkin memberi tafsiran tentang kenapa benda itu berlaku, kita harus mengakui bahawa akibat daripada usaha manipulasi ini yang berbeza dengan spekulasi, maka negara-negara yang terlibat daripada Thailand hingga ke Malaysia telah mengalami satu penguncupan kekayaan yang amat ketara sekali, 25% kejatuhan nilai mata wang kita berbanding dengan Dolar Amerika adalah satu kejatuhan yang amat ketara sekali, kerana kita mengambil masa yang begitu lama untuk kita mengumpul kekayaan yang sedemikian.

Saya tidak "dwell into the semantics between speculation and manipulation". Tetapi apa yang jelas telah berlaku ialah peniaga-peniaga ataupun currency traders ini telah mengambil kesempatan dengan sumber-sumber yang ada pada mereka untuk betul-betul menekan mata wang kita. Cuba fikirkan pada ketika mata Ringgit berada di tahap RM2.8, RM2.9 kalaulah itu satu angka yang betul, kenapa mereka short sell sampai jatuh RM3.2, RM3.3, RM3.4. Itu semata-mata untuk mereka bukan hendak buat hedging, tetapi semata-mata untuk membuat keuntungan yang cepat. Sekarang ini kelmarin naik balik RM3.1, jadi pergerakan dalam keadaan sekarang ini kita tidak boleh memberi tafsiran yang terlalu fundamental kepada benda yang berlaku dalam keadaan jangka pendek dan transitory yang saya katakan tadi. Jangan menterjemahkan terlalu banyak daripada apa yang berlaku dalam tempoh sebulan ataupun dua bulan yang lampau ini tentang pergerakan dalam nilai mata wang-mata wang Malaysia, Thailand dan Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin lebih untuk memperkatakan tentang struktur dan keadaan ekonomi negara kita yang kalau kita memberi penekanan kepada soal-soal ini, maka untuk jangka panjang bukan sahaja untuk menangani masalah spekulasi atau manipulasi pada masa depan, tetapi 'in it self' usaha bercakap tentang bagaimana untuk memperbaiki struktur ekonomi adalah satu usaha yang patut kita buat yang boleh dibincang secara

bebas daripada masalah spekulasi yang kita alami sekarang. Masalah kedua yang telah berlaku ekoran daripada kejatuhan nilai Ringgit ialah kita melihat bahawa pasaran saham di Kuala Lumpur juga telah mengalami menguncupan Indeks Kompositnya daripada 1,200 lebih kurang pada bulan Mac hinggalah dalam lingkungan 800 dalam masa dua-tiga bulan yang akhir ini. Ini merupakan satu kehilangan market capitalization lebih daripada RM500,000 nilainya. Ini telah menimbulkan banyak kesusahan kepada banyak orang yang telah terlibat dalam pasaran ini.

Saya ada beberapa perkara yang ingin saya berikan tafsiran saya tentang apa yang boleh kita lakukan untuk kita perbaiki kedudukan Bursa Saham di Kuala Lumpur. Perkara yang sepatutnya kita memberi perhatian ialah masalah defisit akaun semasa yang pada saya adalah satu angka yang merupakan petunjuk. Walaupun ia bukan satu petunjuk yang tepat sebenar-benarnya, 100% accurate, tetapi merupakan satu angka yang merumuskan keseluruhan struktur ekonomi negara. Ia merupakan satu defisit pada satu akaun yang dicantumkan. Masalah defisit akaun semasa ini telah banyak diperkatakan. Kita sendiri telah memperkatakan tentang perkara ini. Kerajaan juga telah mengakui bahawa ini merupakan satu daripada perkara yang hendak kerajaan beri perhatian. Kalau kita ingat balik dalam dua-tiga Belanjawan yang lepas telah dilakukan beberapa usaha melalui inisiatif fiskal untuk mengatasi masalah ini sedikit. Kita dapati bahawa sememang pun tren yang ada ialah kita dapati sedikit penurunan dari segi peratusan defisit itu daripada KDNK.

Saya yakin bahawa kerajaan mampu untuk mencapai matlamat untuk mengecilkan lagi peratusan defisit kepada peratusan GDP in total. Tetapi kita harus sedar, saya ingin memberi sedikit tafsiran di sini bahawa masalah defisit ini berpunca daripada terdapatnya jurang di antara sumber dengan pelaburan ataupun di antara pelaburan dengan tabungan. Kita dapati bahawa pelaburan di negara ini adalah pada satu tahap yang cukup tinggi dan ia tidak dapat dibiayai oleh tabungan yang ada dalam negara ini yang sudah pun berada pada satu tahap yang tinggi, kalau tidak salah saya 38%, 39% daripada GDP adalah tahap tabungan yang cukup tinggi.

Walaupun bagaimanapun, kadar pelaburan adalah begitu tinggi sehinggakan pelaburan tersebut tidak dapat dibiayai oleh tabungan yang dapat dibentuk dalam negara ini. Oleh yang demikian, pada masa-masa yang lampau dan masalah defisit akaun semasa

ini bukan masalah yang baru. Jurang ini telah dibiayai oleh pelaburan daripada luar negara. Memang pun di masa yang lampau lima, enam, tujuh tahun yang lepas kita mendapati bahawa walaupun jurang ini wujud, untuk mengekalkan pelaburan pada satu tahap yang tinggi, maka kita telah bergantung kepada pengaliran modal daripada luar negara untuk menampung jurang ini. Kita merasakan bahawa terdapat sedikit kegantungan kepada sumber ini apabila kita senang untuk mendapat aliran daripada luar ini, pada pendapat saya kita tidak melakukan beberapa perubahan struktur yang sepatutnya kita lakukan untuk mengatasi masalah struktur dengan sendiri, kita mungkin telah terleka sedikit, dan sebagai usaha untuk menangani masalah ini kita telah lebih kepada meningkatkan usaha untuk menambahkan aliran modal masuk untuk menampungkan jurang ini, dan tidak banyak usaha dilakukan untuk menggunakan sumber yang kita ada untuk merapatkan jurang itu sendiri tanpa mengambil kira aliran masuk modal daripada luar.

Jadi, akibat daripada senario yang sebegini, apabila terdapat kekurangan aliran modal daripada luar, maka akan wujud satu perasaan bahawa keseluruhannya defisit itu akan melebar lagi. Jadi, saya mencadangkan kepada kementerian-kementerian yang terlibat, Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri supaya memberi perhatian kepada soal ini. Soalnya kita harus memberi tumpuan kepada perubahan-perubahan struktur yang sepatutnya berlaku untuk mengimbangi sumber yang ada dalam negara kita dengan jenis pelaburan yang kita mahu lakukan dalam negara kita. Walaupun kita hendak teruskan usaha untuk mendapat modal daripada luar negara untuk masuk ke dalam negara ini sebagai satu sumber untuk pelaburan, kita dalam pada menstrukturkan ekonomi kena letak yang ini sebelah dan kita kena fikir macam mana kita hendak ubah struktur ekonomi negara supaya kita dapat satu imbalan yang lebih munasabah dan selepas itu bila kita open up the account dan kalau dapat aliran yang banyak daripada luar, maka kita akan dapat kepada satu kedudukan yang lebih baik.

Perkara kedua yang saya ingin beri sedikit pandangan saya ialah selain daripada kerajaan perlu memikir bagaimana untuk menstruktur semula struktur ekonomi negara kita ini. Perkara kedua ialah tentang kebimbangan kita bahawa dalam pada kita memberi penekanan kepada soal pertumbuhan ekonomi yang diukur dari segi peratusan kenaikan Keluaran Dalam Negara Kasar, memang itu satu petunjuk yang diterima pakai oleh semua orang

dalam dunia sebagai satu petunjuk pertumbuhan, kita juga hendaklah memberi perhatian kepada soal produktiviti ini. Soal produktiviti ini adalah juga satu soal yang kerajaan sendiri telah mengakui kalau kita tidak mahu terus bergantung kepada amaun modal yang masuk untuk tambah keluaran, kita hendaklah mampu menggunakan amaun modal yang sama banyak dengan lebih cekap untuk mengeluarkan out put yang lebih tinggi. Jadi, ini bergantung kepada soal produktiviti ataupun kecekapan kita untuk menggunakan modal.

Daripada angka yang kita dapat, kita dapati bahawa Total Factor Productivity (TFP) yang dapat ditunjukkan oleh kecekapan menggunakan modal dengan buruh ini, TFP kita kalau tidak salah saya dalam dua-tiga tahun kebelakangan ini menunjukkan satu tren yang menurun. Ini bermakna apabila kita terlalu asyik dengan menambahkan modal dan input untuk menjana pertumbuhan, kita tidak berapa memberi perhatian kepada soal kecekapan menggunakan modal itu ataupun bagaimana untuk mengadukan modal dan buruh untuk menghasilkan pertumbuhan seperti yang kita hendak. Jadi, ini membimbangkan kita kerana saya fikir satu lagi faktor yang telah menyumbang kepada TFP ini turun ialah kita dalam empat, lima, enam tahun yang lalu kita telah melambatkan proses kita untuk meningkatkan kemahiran tenaga buruh kita dengan kita memasukkan ramai pekerja asing seramai, mengikut angka rasmi kerajaan, 1.7, 1.8 juta pekerja asing. Kemasukan pekerja asing ini yang rata-rata adalah pada kadar kemahiran yang rendah tidak menyumbang kepada peningkatan kecekapan ekonomi yang ada dalam negara kita.

Saya sedar dalam kawasan saya mengalami masalah ini, iaitu sektor-sektor yang tertentu menghadapi masalah untuk bergerak, sektor perkilangan juga, kerana kesuntukan tenaga buruh. Tetapi apabila kita pergi ke luar dan memanggil pelabur masuk yang memang melabur di dalam perkara-perkara yang perlukan tenaga buruh yang tinggi. We are asking for trouble itself. Memanglah apabila mereka pelabur di dalam negara kita dalam jenis pelaburan yang memerlukan kegunaan tenaga buruh yang tinggi, jadi masalahlah. Ekoran daripada itu kita membenarkan kemasukan buruh asing, dan apabila buruh asing ini masuk walaupun ia membantu dalam menekan kenaikan harga upah pada keseluruhannya dari segi itu, tetapi yang tidak bagusnyanya kita tidak meningkatkan kecekapan buruh kita sendiri dan kita delay the skill upgrading ataupun latihan semula atau peningkatan kemahiran tenaga buruh kita sendiri. Apabila kita berterusan

membawa masuk buruh asing ke sektor-sektor tertentu khususnya kepada sektor perkilangan dan juga sektor perladangan, maka kita seolah-olah telah memberi subsidi kepada sektor-sektor ini.

Cuba kita fikirkan, sektor perkilangan misalnya, apabila dibenarkan membawa buruh yang begitu banyak dan ditambah pula dengan berbagai-bagai insentif dari segi cukai yang telah diberikan kepada sektor ini, dalam kata lain kita telah memberi subsidi yang begitu banyak kepada sektor ini. Oleh yang demikian, maka sumber yang ada dalam negara akan pergi kepada sektor yang tersebut. Antara yang sedih ialah apabila sumber pergi ke sektor itu, maka sumber telah lari keluar daripada sektor-sektor yang lain. Satu daripada akibat perkembangan dari segi sektor perkilangan kepada ekonomi negara kita ialah ketidakmampuan sektor-sektor lain dalam negara kita untuk melalui proses pemodenan.

Misalnya, sektor pertanian. Sektor pertanian sepatutnya melalui proses pemodenan, peningkatan kegunaan teknologi, satu revolusi semula, apakah maksud pertanian dalam negara kita ini. Kita tahu bahawa food bill kita, kita import hampir RM9 bilion makanan, tetapi kita tidak boleh melakukan reformasi dalam sektor pertanian ini kerana kita tidak ada buruh untuk melakukan tersebut kerana buruh kita semua telah pergi mengalih kepada sektor perkilangan, sebab sektor pengilangan mendapat subsidi yang begitu banyak dari segi insentif cukai yang diberi kepada sektor tersebut dan juga kemasukan buruh-buruh asing ke dalam sektor perkilangan.

Jadi, ini adalah satu daripada kesan yang kita hadapi. Cuba kita fikirkan dalam pada harga Ringgit telah jatuh, satu daripada sektor yang tidak terjejas ataupun mendapat keuntungan daripada kejatuhan Ringgit ini ialah sektor perladangan. Kita dapati manakala Ringgit telah jatuh daripada RM2.5 hingga RM3.4, RM3.1 sekarang ini lebih kurang, pasaran saham jatuh 1,200 sampai 800 lebih kurang, tetapi harga CPO di KLCE telah naik daripada bulan Julai sampai sekarang, tetapi sekarang turun balik sedikit. Katakan minggu lepas daripada RM11,00 lebih kurang satu tan kepada RM1,600 satu tan. Sektor ini mengalami peningkatan dari segi harganya, dan sememang pun sektor semacam inilah yang sebenarnya akan mendatangkan keuntungan kepada negara kita, kerana hampir kesemua input yang dimasukkan untuk mengeluarkan CPO adalah input-input yang kita punya sendiri. Maknanya, CPO mempunyai import content inputnya yang cukup rendah. Jadi, saya tidak tahu mungkin rakan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh tengok,

kalau kita kira balik dari segi nilai ditambah sahaja sektor perkilangan dengan nilai ditambah CPO dengan crude oil, bukan nilai mutlak tetapi nilai ditambah sahaja, mungkin nilai ditambah yang diperolehi daripada pengeksportan CPO dengan crude oil ini, sama banyak dengan sektor pembuatan. Sebab kalau angka yang kita dapat dahulu masih lagi tepat, kita tengok dalam setiap RM1.00 barangan pembuatan yang kita eksport mungkin kandungan importnya hinggakan 80 sen untuk tiap-tiap RM1.00. Tolak Bangladesh repatriation, Indonesia repatriation mungkin angka yang kita dapat itu kurang daripada 20 sen untuk setiap Ringgit nilai barangan perkilangan yang kita eksport.

Jadi, maksud saya di sini, inilah yang saya maksud penstrukturan semula ekonomi kita ini ialah kita kena lihat pada perkara ini, kerana ada sektor-sektor yang tertentu dalam ekonomi kita yang harus kita beri perhatian untuk kita bangunkan. Kita terima sebagai satu hakikat, orang businessman akan buat satu keputusan berdasarkan kepada harga yang ada di depan dia, insentif dan sebagainya. Kalau kita meletakkan satu persekitaran kepada dia yang mana dia tidak hendak labur dalam sesuatu sektor dia lebih hendak labur ke sektor yang lain yang itulah dia buat dan yang itu kita akan dapat. Kita khuatir, saya sendiri berasa bahawa untuk kita pergi kepada satu tahap yang lebih tinggi daripada tahap kita sekarang ini, kita lupakan masalah krisis, krisis ini very transitory dan short term. Kita hendak lonjakan ke satu tahap yang lebih tinggi, kita sebenarnya tidak berapa banyak boleh bergantung kepada sektor pembuatan sangat. Kita kena pergi kepada sektor mungkin sektor perkhidmatan yang lebih khusus untuk mendapat nilai ditambah yang lebih tinggi. Ini memerlukan sekali lagi kecekapan dalam pasaran buruh kita dan sekaligus menaikkan TFP kita.

Seorang ahli ekonomi yang agak popular juga dan seorang yang mana hasil kerja-kerja karyanya, researchnya yang saya banyak baca, Paul Krugman yang telah menulis dalam satu makalah yang menidakkan ASEAN economic miracle dengan mengatakan bahawa there is nothing special more or less dengan ASEAN miracle ini, ia terjadi kerana kita bumbuh input. Jadi, kita dapatlah output. There is nothing inherently superior in term of the ASEAN miracle selain daripada kita dapat menambah input untuk menaikkan output. Saya sebagai seorang ahli ekonomi menghormati Krugman sebagai seorang ahli ekonomi. Apa yang beliau kata sebenarnya ada kebenarannya. Apa yang kita

lakukan ialah kita tambah input, dan bila kita tambah input dalam satu proses pengeluaran, memang output naik. Oleh sebab itu, kita tidak mahu semata-mata menekankan kepada peningkatan output. Kita hendaklah mulai daripada sekarang, memang saya percaya kerajaan memberi perhatian kepada soal ini, beri perhatian kepada kecekapan kita menggunakan input tadi. Memang kalau production proses yang begitu tidak cekap pun, kalau kita tambah input kita akan dapat output. Soalnya, kalau kita tambah RM2.00 input hendak keluar RM1.00 tambahan output, itu satu cara yang tidak berapa cekap, tetapi kita dapat menghasilkan matlamat kita, kalau matlamat kita ialah untuk menghasilkan output. Itu perkara yang kita hendak fikirkan dengan lebih mendalam pada pandangan saya dan memberi penekanan yang secukupnya kepada soal peningkatan kemahiran, soal latihan semula tenaga buruh yang kita ada di Malaysia sekarang ini.

Bersangkutan dengan hal itu, saya ingin juga menyentuh tentang tabung Human Resource Development Fund, atau Dana Pembangunan Sumber Manusia yang kita ada. Satu inisiatif yang telah diambil oleh kerajaan yang berpandangan jauh, pada pandangan saya untuk mewujudkan tabung ini yang mana kesemua majikan yang mempunyai modal berbayar ataupun jumlah pekerja yang lebih daripada sekian-sekian angka terpaksa menyumbang satu persepuluh atau dua persepuluh daripada payrollnya kepada tabung ini. Tetapi saya pernah timbulkan soal kegunaan tabung ini, dana pembangunan sumber manusia ini. Dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan perkhidmatan, dia tidak ada jalan untuk kita gunakan tabung ini untuk peningkatan kemahiran, latihan ataupun latihan semula untuk benda-benda dalam sektor perkhidmatan. Ia tertumpu kepada latihan semula, usaha latihan kemahiran dalam sektor perkilangan. Itu pun tabung ini under subscribed. Saya ingat kegunaannya tidak optimum kerana ia masih mempunyai banyak amaun yang tidak digunakan.

Inilah satu cara untuk kita mengubah struktur ekonomi kita pada satu jangka panjang kepada satu tahap yang lebih kukuh, kita kena beri tumpuan kepada soal ini. Ini terpulang dalam Kementerian Sumber Manusia bagaimana untuk meningkatkan kecekapan penggunaan dan mempelbagaikan program-program yang boleh mendapat rebate daripada dana ini ataupun membanyakkan lagi program latihan semula dan peningkatan kemahiran. Saya mempunyai tidak kurang daripada hampir daripada 30,000 orang dalam kawasan saya yang kerja di Bayan Lepas Industrial Estate. Ini

merupakan satu angka bilangan manusia yang cukup ramai. Sebahagian besar daripada mereka adalah pengundi saya. Kita juga khuatir bahawa tahap kecekapan mereka, oleh itu, tahap kuasa beli mereka, pendapatan mereka tidak dapat dinaikkan setaraf dengan kos untuk mereka terus tinggal di Bayan Lepas. Saya pernah timbulkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa dalam soal kita membentuk dasar pembangunan negara, kita hendaklah bermatlamat akhirnya untuk membolehkan orang yang kita mahu memberi peluang itu supaya boleh dia tinggal di tempat yang dia kerja.

Sekarang ini realiti di Pulau Pinang dengan harga hartanah yang ada sekarang ini sebahagian besar daripada mereka yang berkerja di situ tidak mampu untuk tinggal di situ. Jadi, sebagai ahli Parlimen mereka, saya pun berasa sedih jugalah. Walaupun kita terima bahawa untuk duduk di mana-mana ia bergantung kepada sama ada kita mampu atau tidak mampu duduk di situ. Jadi, ini perkara yang saya rasa kita harus beri perhatian. Perkara yang kedua yang harus kita beri perhatian ialah bagaimana kita hendak berhenti ataupun kurangkan kemasukan pekerja asing ini yang telah saya timbulkan kesannya tadi, satu daripada kesan kemasukan begitu ramai pekerja asing ialah selain daripada yang saya sebutkan tadi ialah aliran keluar pendapatan yang mereka perolehi di dalam negara ini bukan sedikit. Angka rasmi menunjukkan RM2.5 bilion setahun, satu angka yang saya tidak berapa hendak percaya sebab kalau kita ada dua juta pekerja asing, kalau setiap tahun mereka mengeluarkan RM2.5 bilion, maka setiap orang daripada mereka hanya mengeluarkan lebih kurang RM1,000 lebih sedikit sahaja setiap tahun. Itu mungkin under counting. Kalau kita kira betul-betul, kalau RM3,000 seorang dengar, dua juta pekerja asing ada RM6 bilion, dan ini menyumbang kepada peningkatan atau ini tidak menyumbang kepada untuk memperbaiki defisit dalam akaun semasa kita.

Jadi, selain daripada masalah kesan ekonomi, delay kepada perubahan struktur yang patut kita lakukan, telah melemahkan lagi defisit akaun semasa. Kehadiran begitu ramai pekerja asing ini juga telah menimbulkan masalah-masalah lain, masalah-masalah sosial yang lain yang dialami mungkin di tempat-tempat macam di Johor, di Kuala Lumpur dan juga di Pulau Pinang sudah jadi macam kelam-kabut sedikit. Di Pulau Pinang kita tengok sampai kita tidak kenal ini orang Melayukah, Banglakah, Indonesiakah. Di Pulau Pinang lagi confusing, kita pun sampai tidak tahu. Jadi, ini kesan sosial, dan kesan sosial ini sebenarnya mempunyai kos

ekonomi yang juga tidak dikira dalam national accounting, even kesan-kesan externality yang kita belajar dalam ekonomi patut diambil kira externality cost. Seperti jerebu juga, jerebu ini tidak diakaunkan dalam costing. Kalau kita akaunkan dalam national accounting dari segi bukan accounting principle, tetapi economic principle hendak menentukan kos, kalau kita masukkan kos jerebu ini, lebih tinggi harganya, dan kos memasukkan begitu ramai pekerja asing juga kalau selain daripada kos-kos tadi, kos dari segi sosial sahaja kalau kita betul-betul kira, maka saya rasa adalah satu jumlah yang tinggi.

Dalam keadaan begini, saya pun ada masalah kalau kita hendak suruh ketat sangat pun, saya telah berjumpa dengan Persatuan Pengusaha Kilang-kilang Zon Perdagangan di Bayan Lepas. Satu daripada masalah yang mereka hadapi ialah mereka tidak ada pekerja. Mereka kompelin juga on the other hand that dasar kerajaan untuk memberhentikan langsung kemasukan pekerja asing ini menjejaskan rancangan mereka untuk kekal pengeluaran di Pulau Pinang, di Bayan Lepas ataupun di Malaysia. Jadi, orang kata pisau dua mata, di satu ketika kita hendak kurangkan pergantungan kita kepada pekerja asing, tetapi yang keduanya ia juga menjejaskan perkembangan sektor perkilangan khususnya yang wujud oleh sebab pelaburan terus daripada luar menerusi syarikat-syarikat multi-national.

Ada daripada mereka memang menggunakan nisbah modal-buruh yang tinggi. Bermakna mereka ini beroperasi dengan intensiti modal yang tinggi. Walaupun mereka beroperasi dengan intensiti modal yang tinggi, tetapi mereka masih juga memerlukan orang. Masalah sekarang ini sebab pelaburan dalam bentuk ini terlalu banyak, orang sampai tidak ada. Jadi, dalam jangka pendek saya rasa apabila kita terpaksa membuat ubahsuaian ini (adjustment) maka saya rasa kita akan melalui satu jangka waktu yang agak perit, agak susah untuk kita melakukan adjustment ini. Walau bagaimana susah sekali pun kita hendaklah memberi usaha dan tumpuan yang serius kepada soal ini, kerana kalau tidak sampai bila pun ini akan melambatkan proses perubahan struktur yang patut kita adakan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerana masih ramai lagi tenaga buruh kita dan mereka yang memasuki pasaran buruh, kalau ikut statistik kita kira yang di dalam pasaran buruh ini umur 15 tahun ke atas dan kita tahu bahawa peratusan penduduk negara ini yang berumur di bawah 25 tahun ini cukup ramai, kita susah hati. Dalam kawasan saya kelmarin

dahulu, di pulau Pulau Pinang, di sebelah Balik Pulau, ada lagi orang bekerja kopek nyiur, belah nyiur, lepas itu korek cungkilkan isi kelapa itu daripada tempurung itu sebagai satu pekerjaan manual yang tidak memerlukan kemahiran langsung di bayar gaji yang begitu rendah, sekilogram empat duit, 25 kilogram hendak dapat RM1, jadi, masih terdapat di situ, ini satu kes yang ekstrem, tetapi kita tahu bahawa satu daripada akibat pengwujudan peluang-peluang pekerjaan yang begitu banyak dan begitu senang ialah terdapat juga sebahagian daripada mereka yang duduk dalam sistem persekolahan dalam kawasan saya misalnya, tidak merasakan bahawa untuk mereka mempunyai masa depan yang okay, mereka perlu untuk menyiapkan diri mereka dengan baik, dengan kelulusan dan sebagainya kerana kalau mereka tidak maju macam mana pun, mereka boleh mendapat pekerjaan dan gaji yang pada tahap umur mereka 18 dan 19 tahun adalah satu tahap yang okay.

Jadi, kita ada macam dalam istilah orang kata 'Dutch disease', kira kita didorong oleh kesenangan itu tetapi kita didorong ke satu jalan yang negatif. Inilah perkara yang kita kena beri perhatian dan yang akhir yang saya hendak bercakap sedikit ialah tentang kejatuhan pasaran saham Kuala Lumpur.

Nasib baiklah saya tidak begitu banyak ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya hendak bertanya, di bawah kepala apa yang hendak bercakap ini?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, ini dasar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Dasar!

Tuan Yang di-Pertua: Eh, dasar. Ini berkenaan dengan tambahan. Tambahan itu hanya boleh dipercakapkan di atas wang-wang yang diperuntukkan di bawah rang undang-undang.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan pasaran saham mempunyai implikasi yang menyeluruh kepada seluruhan

Tuan Yang di-Pertua: Tahulah, tetapi soalnya kita boleh bercakap di dalam Jawatankuasa berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini, benda-benda yang bersangkutan dengan peruntukan yang telah diberi.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya ingin sedikit sahaja kerana agensi-agensi amanah kerajaan dan juga badan-badan berkanun kerajaan ini sebahagian

daripadanya seperti EPF, Tabung Haji dan juga badan-badan kerajaan yang lain telah menggunakan pasaran saham di Kuala Lumpur sebagai satu daripada jalan untuk mereka melabur wang mereka dan sekali gus ini menjejaskan kejatuhan pasaran saham ini menjejaskan kedudukan kewangan mereka juga.

Saya ingin cuma, oleh sebab Tuan Yang di-Pertua memberi ingatan kepada saya tentang hal ini, saya cuma mungkin saya delay hak ini sampai Belanjawan yang sebenarnya. Jadi, yang akhir, yang ingin saya sentuh, yang ada dalam perkara yang dibentangkan di sini secara khusus ialah tentang Parlimen ini sendiri, Tuan Yang di-Pertua, ada peruntukan yang khusus yang telah diminta berkenaan dengan perkara yang telah dibelanjakan kepada soal menaiktarafkan beberapa kemudahan yang ada di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Parlimen ini kita mengucapkan terima kasih kerana telah diadakan di bawah B.1 - belanja pengurusan dan juga di bawah perbelanjaan pembangunan pun saya ingat ada sedikit, kita mengucapkan terima kasih kerana di Parlimen ini telah diberi perhatian untuk dipertingkatkan lagi kemudahan yang ada dalam Dewan ini dengan harapan ianya memudahkan lagi mempertingkatkan kecekapan kita untuk berurusan berhari-hari.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya rasakan lebih banyak usaha patut diadakan untuk memperbaiki lagi kemudahan yang ada dalam Dewan Rakyat ini dan dalam Parlimen ini umumnya selain daripada yang kita telah nampak setakat ini pembesar suara ini, lampu yang pelik ini telah mereka gantikan dengan lampu yang tidak kurang peliknya tetapi lebih baik sedikit daripada yang terdahulu tetapi saya rasa masalah asas dari segi kemudahan di dalam Dewan ini masih lagi boleh kita perbaiki lagi.

Tuan Yang di-Pertua, soal tempat duduk kita ini mungkin boleh kita perbaiki walaupun kita telah mempunyai kemudahan dari segi penjadualan bercakap ataupun ambil kedatangan ini, tetapi kita masih belum pakai lagi benda-benda ini dan kita rasa juga bahawa seperti yang telah saya katakan beberapa kali, ini mungkin dasar dan tidak timbul daripada perbelanjaan ini secara terus, tetapi sekali lagi saya memohon kepada Jabatan Perdana Menteri untuk mempertimbangkan bagaimana kita boleh melakukan reformasi yang sebenar-benarnya dari segi perjalanan Dewan ini dan apabila kita lakukan reformasi yang lebih menggunakan mekanisme

jawatankuasa dalam urusan kita hari-hari, ia akan meningkatkan kedudukan Parlimen ini di mata umum, ia akan meningkatkan Parlimen ini di mata rakyat dan sekali gus ia akan menuntut kewujudan kemudahan yang lebih sesuai dengan kerja-kerja yang patut kita buat.

Jika ini berlaku, maka kehormatan Parlimen ini, keseluruhannya daripada Tuan Yang di-Pertua sehinggalah keseluruhan ahli-ahlinya adalah lebih terhormat dan kita akan dinampak oleh rakyat sebagai satu institusi politik yang benar-benar melakukan kerja yang mempunyai kesan ke atas perjalanan hidup harian rakyat dan kita juga mempunyai peranan dalam pada menggubal undang-undang yang dibentangkan untuk dipinda ataupun untuk undang-undang baru dan umumnya kita mempunyai kedudukan yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang khusus saya akan timbulkan pada peringkat jawatankuasa nanti dan mungkin perkara lain yang bersangkutan dengan dasar yang belum saya sentuh khususnya tentang perkara yang saya timbulkan tentang pasaran saham di Kuala Lumpur ini akan saya timbulkan pada masa perbincangan dasar Belanjawan 1998.

Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Bendera. Yang Berhormat, kita hanya diperuntukkan di bawah Peraturan Mesyuarat 67 (5) satu hari sahaja, lepas daripada ini sampai 6.30 saya akan tutup ucapan dan saya akan minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab besok. Sila.

5.38 ptg.

Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan khasnya berkenaan dengan B.16 - Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Baru-baru ini negara Malaysia menghadapi ancaman luar negara dalam bentuk spekulasi dan manipulasi asing tentang ekonomi Malaysia serta masalah jerebu. Tadi kawan saya Ahli Parlimen dari Balik Pulau telah menyentuh tentang hal ekonomi, jadi, saya ingin membincang tentang hal alam sekitar iaitu masalah jerebu dalam perbincangan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita telah berbahas berkenaan dengan jerebu selama dua hari. Saya ingat sudah cukuplah. Mintalah Yang Berhormat berucap perkara lain.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak sentuh sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Chia Kwang Chye: Berkenaan dengan B.16 ini kerana di antara satu langkah yang diambil oleh kerajaan adalah menghantar seramai 1,200 orang anggota bomba untuk memadamkan api kebakaran hutan di Indonesia. Jadi, apa yang saya hendak tanya ialah tentang B.16 ini adalah sebanyak RM5,415,700 ini adalah untuk perbelanjaan menghantar pasukan bomba ke negara Indonesia untuk mencegah kebakaran kerana anggota bomba yang meninggalkan keluarga mereka dan memainkan satu peranan yang penting dalam semangat ASEAN untuk mengatasi masalah ini dan juga menggadai nyawa.

Jadi, dalam perbincangan ini saya pun berharap bahawa kita tidak patut memperkecilkan peranan yang diambil oleh pasukan bomba dan serta menghinakan sumbangan pasukan bomba dalam hal ini. Jadi, atas permintaan Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak bertanya tentang hal ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka.

5.40 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat berucap selama 20 minit ya, jangan lebih daripada 20 minit.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih 20 minit sudah cukup.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menanyakan pihak Kementerian Kewangan, tentang rasional pihak kerajaan terus membenarkan PLUS menaikkan kadar tol sungguhpun pihak Yang Berhormat Menteri Kerja Raya telah menyatakan satu kajian semula akan dijalankan. Di sini saya amat hairan mengapakah pihak kerajaan tidak membekukan buat sementara segala kenaikan kadar tol sebelum satu keputusan muktamad dibuat sama ada oleh kajian semula ini ataupun oleh Kabinet.

Adalah dikesali bahawa dalam perkara ini menteri-menteri MCA dan Gerakan tidak pernah menyuara perkara ini dalam Kabinet tetapi mengarahkan konco-konco mereka untuk membuat demonstrasi dan membantah di luar sehingga Yang Berhormat Menteri Kerja Raya secara terbuka menanyakan mengapa komponen barisan ini dalam Kabinet tidak pernah membantah sebaliknya

menyokong tetapi konco-konco mereka pula bersandiwara dan berpura-pura membantah.

Saya harap dalam perkara ini kita haruslah bersikap konsisten, janganlah cakap itu tidak serupa bikin, janganlah berlakon iaitu di dalam kita menyokong tetapi di luar pula menentang dengan sekeras-kerasnya. Dalam sandiwara ini yang dimainkan bukan sahaja oleh MCA, tetapi pun oleh Gerakan. Di selatan Gerakan, di utara pun Gerakan, di Plaza tol Senai di mana saya ingat Gerakan mengadakan satu demonstrasi, malah MCA pun sama-sama terlibat. Tetapi, apabila pemimpin tertinggi mereka dalam Kabinet turut memberikan sokongan ke atas segala kenaikan tol di manakah prinsipnya, di manakah pegangan, di manakah pendirian politik mereka dalam hal ini?

Oleh sebab itu saya rasa, kita janganlah bersikap hipokrasi, we should not be hypocritical dalam masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bercakap di bawah apa itu?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, iaitu Kementerian Kerja Raya. Dan di sini saya rasa adalah perlu bahawa

Tuan Yang di-Pertua: B.52?

Tuan Lim Guan Eng: Ya, Kementerian Kerja Raya. ...perkara ini harus diberikan perhatian kerana kalau kita hendak menghalang inflasi daripada dicetuskan semula, adalah perlu bahawa kita melarang semua kenaikan harga ataupun perkhidmatan daripada berlaku. Oleh sebab itu, saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang baru masuk boleh mengambil perhatian tentang masalah kenaikan tol yang dikecam oleh semua lapisan rakyat, tidak kira bangsa dan agama hanya kerajaan dan parti komponen Barisan Nasional nampaknya tidak sedar tentang ketidakpuasan hati rakyat tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada Maksud B.11 iaitu Badan Pencegah Rasuah. Dan di sini saya ingin bertanya apakah siasatan pihak BPR terhadap laporan yang dibuat oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang ke atas Yang Berhormat Menteri Pengangkutan berkaitan dengan pembelian anaknya ke atas empat syarikat bernilai RM1.2 bilion. Apakah kedudukan siasatan ke atas pembelian dalam masa tiga bulan ini, adakah Yang Berhormat Menteri disoal siasat oleh pihak BPR selain daripada anaknya yang telah menyatakan akan memberikan kerjasama penuh, saya tidak tahu sama ada Ahli Yang Berhormat dari Labis hendak

mengesahkan perkara ini sama ada beliau disoal siasat oleh BPR.

[Menteri Pengangkutan Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik melambatkan tangannya]

Oh! Belum lagi, akan datanglah. Saya rasa ini adalah sangat perlu kerana rakyat memang hendak tahu macam mana pembelian secara besar-besaran ini bolehlah dilakukan iaitu pembelian sebanyak RM1.2 bilion dalam tempoh masa tiga bulan ataupun 90 hari dan perkara ini saya harap bolehlah disegerakan supaya rakyat tahu sama ada selepas lulusnya Akta Pencegahan Rasuah, adakah ini hanya sebagai satu omong-omong kosong, empty declaration of intent tanpa sebarang tindakan susulan oleh pihak berkuasa, kerana sungguhpun Akta Pencegahan Rasuah telah diluluskan, tetapi saya tidak melihat di sini sebarang tindakan susulan untuk menunjukkan bahawa kerajaan benar-benar tegas, benar-benar komited dalam usahanya membanteras rasuah.

Oleh sebab itu, saya rasa adalah tidak guna kalau kita ada undang-undang tanpa ia dikuatkuasa, lebih-lebih lagi apabila mereka yang terlibat adalah golongan yang paling atas sekali.

Oleh itu, saya harap bahawa pihak kerajaan bolehlah bukan sahaja dalam kes Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tetapi juga semua menteri lain yang disoal siasat oleh BPR, mengikut satu jawapan yang diberikan kepada saya pada sesi Parlimen yang lepas, ada enam menteri disiasat oleh BPR, dua timbalan menteri dan seorang setiausaha parlimen, sembilan orang sedang disiasat oleh BPR, apakah kedudukan siasatan oleh BPR ke atas ke sembilan menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen ini selain daripada lapan orang Ahli EXCO yang disiasat oleh BPR iaitu tiga dari Melaka dan satu lagi daripada Johor, Selangor, Pahang, Kedah, Sabah dan Perak. Oleh sebab itu saya harap bahawa satu penjelasan bolehlah diberikan oleh BPR tentang perkara ini.

Mengenai satu isu lagi berkaitan dengan BPR ialah saya ingin bertanya tentang perkara laporan yang dibuat oleh Ketua Pengarah BPR terhadap satu laporan di muka depan *New Straits Times* pada dua minggu lepas di mana adalah dilaporkan bahawa seorang Pegawai Pendakwa Raya yang bertugas dalam BPR telah ditahan oleh BPR kerana terlibat dalam usaha cuba mendapat wang sogokan daripada seorang bekas general yang terlibat dalam siasatan rasuah oleh BPR di mana wang sogokan ini adalah dikatakan setakat RM1 juta. Adakah laporan yang

disiarkan di muka depan NST adalah benar dan adakah benar bahawa sebenarnya, seorang Pegawai Pendakwa Raya BPR kalau selain daripada ditahan sekarang telah dipindahkan ke bahagian lain dan bolehkah perkara ini disahkan oleh pihak kerajaan dan setakat mana siasatan dijalankan oleh BPR ke atas kes general tersebut di mana siasatan dijalankan ke atas pembelian alat senjata.

Saya rasa kes ini adalah sangat penting kerana nampaknya kerajaan cuba menutup sebarang pembongkaran terhadap kes rasuah, mana-mana laporan atau mana-mana berita yang disiarkan dalam surat khabar akan diugut dengan laporan polis di bawah Seksyen 8A Akta Penerbitan dan Mesin Cetak. Saya amat fasih tentang Seksyen 8A ini atas pengalaman peribadilah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa adalah tidak adil bahawa seksyen ini disalahgunakan untuk menakutkan pihak media ataupun pihak aktivis penentang rasuah yang cuba mendedahkan skandal rasuah yang berlangsung. Dan untuk ketua pengarah membuat laporan sedemikian, saya harap bahawa pihak kerajaan bolehlah menyatakan kepada Dewan yang mulia ini sama ada seorang Pendakwa Raya telah ditahan dan selepas itu telah dipindahkan ke bahagian lain. Kalau Yang Berhormat ingin saya siarkan namanya, saya rela berbuat demikian, tetapi terpulanglah kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pun ada di sini, saya rasa kalau dia hendak saya nyatakan nama saya boleh berbuat demikian, tetapi saya ingin memberikan peluang kepada pihak kementerian untuk menjawab perkara ini kerana saya rasa ini adalah satu perkara yang penting kerana 'who watches over the custodians', sekarang yang dikatakan terlibat dalam rasuah ialah pihak yang sebenarnya berusaha untuk membanteras rasuah tetapi mereka pula yang terlibat dan ini memberikan gambaran dan memberikan satu tamparan yang sangat kuat kepada usaha negara Malaysia untuk menghapuskan rasuah, macam mana kita ada harapan untuk menghapuskan rasuah, kalau badan yang sebenarnya ditugaskan dan pertanggungjawabkan untuk menghapuskannya sendiri terlibat dalam gejala rasuah.

Ini saya rasa sesuatu hakikat yang kita harus hadapi dan kita harus menangani dengan serius. Kalau tidak, saya rasa usaha kita akan gagal dan semua masa dan semua usaha baik oleh pihak kerajaan telah meluluskan Akta Pencegahan Rasuah akan disia-siakan sahaja.

Oleh yang demikian saya harap bahawa pihak kementerian boleh memberikan perhatian

sewajarnya dalam perkara ini dan di samping kes yang saya bangkitkan, saya hendak rujuk kepada kes Melaka yang saya amat dukacitalah boleh dianggap sebagai jaguh rasuah Malaysia kerana tiga daripada lapan orang Ahli EXCO terlibat dalam rasuah dalam siasatan oleh BPR datang daripada Melaka, tetapi di samping itu ada banyak kes-kes lain di mana ada berlaku satu projek jalan di Melaka di mana ia rosak sebaik ia siap dibina, bukan rosak dalam tempoh masa 'defect liability period' - bukan, tetapi sebaik ia siap dibina ia rosak dan perbelanjaan sebanyak RM2.5 juta telah disia-siakan dan sehingga sekarang ia menjadi bahan ketawa olah para pelancong baik dari luar negeri ataupun dalam negeri dan jalan ini jalan berbatu monia di Bandar Hilir terletak ditengah-tengah pusat pelancongan Melaka iaitu di depan Pusat Beli Belah Mahkota Parade. Dan ini adalah sesuatu yang amat memalukan kepada rakyat Melaka dan juga peniaga-peniaga di Melaka kerana mereka sering mendapat rungutan daripada pelbagai pihak.

Di samping itu, juga di Bandar Hilir, kita ada pula sebuah jeti yang dibina dengan kos RM10.5 juta tetapi sungguhpun ia siap dibina pada tahun 1995 sehingga sekarang hampir dua tahun, ia masih tidak boleh digunakan, sungguhpun RM10.5 juta telah dibelanjakan untuk membina jeti ini. Dan apabila ia siap dibina pada bulan Ogos 1995, tidak sampai sembilan bulan, pada bulan Mei 1996, pontoonnya tenggelam. Tak sampai sembilan bulan pontoonnya tenggelam, ini menyebabkan kapal-kapal tidak boleh berlabuh di jeti ini, macam mana perkara ini boleh dibiarkan dan sungguhpun dua tahun terlepas tetapi tidak ada sebarang tindakan diambil oleh pihak Kerajaan Negeri Melaka ataupun siasatan dibuat oleh BPR mengapa skandal ini boleh berlaku dan sekarang ia dibiarkan sahaja dijadikan sebagai pusat memancing ikan.

Tuan Yang di-Pertua, RM10.5 juta dibelanjakan untuk membolehkan peminat-peminat pancing ikan memancing ikan di sana dan lagi pun ada satu kegunaan lagilah untuk orang muda mudi bersiar-siar dan melepaskan rindu di sana. *[Ketawa]* Saya rasa itu adalah satu pembaziran yang amat ketara sekali dan tindakan tegas harus diambil mengapa jeti boleh dibina di tempat itu di mana airnya dikatakan tak cukup dalam, sungguhpun mereka sudah tahu bahawa projek tambakan laut malah satu 'Manhattan of Malaysia' iaitu dua pulau buatan manusia atau 'two artificial island' dibina di tempat berhampiran, tetapi ia terus dibina di kawasan itu.

Saya rasa ia adalah jelas bahawa bukan sahaja dari segi profesionalisme tetapi dari segi

penyelewengan adalah amat ketara sekali dan saya harap bahawa pihak yang berkenaan boleh mengambil tindakan.

Satu lagi perkara iaitu mengenai usaha kerajaan untuk menghapuskan akaun defisit semasa iaitu dengan mengetatkan perbelanjaan menggunakan 2% untuk semua jabatan kerajaan dan termasuk juga mengarahkan semua menteri supaya tidak menggunakan atau membeli Mercedes Benz dan menukarkannya dengan kereta Perdana.

Tuan Yang di-Pertua, di sini mengapakah sungguhpun arahan ini telah dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri saya tidak nampak seorang menteri menjualkan kereta Mercedes Benz mereka supaya kerajaan boleh dapat sedikit pendapatan dan menggantikannya dengan Proton. Kalau kita hendak galakkan semua jabatan kerajaan mengurangkan perbelanjaan mereka, ia mesti dimulakan dari atas, itulah prinsip dan itulah maknanya kepimpinan melalui teladan. Tetapi kalau pemimpin teratas sekali tidak menunjukkan teladan macam mana kita boleh menjayakan usaha ini dan saya ingin bertanya, saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kalau boleh menjawab sama ada pihak kerajaan bersedia menyahut cabaran ini mengurangkan perbelanjaan dengan meminta semua menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen pakai kereta Proton Perdana sekarang.

Sebenarnya, kebanyakan mereka mampu membeli kereta Mercedes sendiri, tak payah bergantung kepada kerajaan, dia mampu membeli kereta Mercedes. Oleh sebab itu, kalau hendak menjimatkan wang untuk negara, sebenarnya, saya rasa kereta Mercedes tak perlu. Malah saya rasa mungkin mereka boleh dermakan Mercedes Benz, boleh cari corporate sponsors untuk dermakan kereta kepada pemimpin atasan.

Saya rasa itu merupakan masalah kecil sahaja. Tetapi kalau kita benar-benar hendak menjayakan usaha mengurangkan perbelanjaan jangan setakat cakap sahaja. Jangan setakat melepaskan batuk ditangga sahaja, tunjukkan dengan tindakan. Kalau boleh saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberikan satu contoh yang baik kepada semua rakan-rakannya sendiri gunakan kereta Perdana, serahkan balik kereta Mercedes Benz kepada kerajaan. Saya rasa ini akan menunjukkan bahawa kerajaan serius atau komited untuk menyelamatkan atau mengatasi krisis ekonomi yang dihadapi oleh negara kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha

Parlimen kalau kita menyentuh tentang projek mega yang akan ditangguhkan atau akan ditunda, apakah jumlah projek yang terlibat sebelum ia digelarkan mega projek. Dan adakah ia juga membabitkan projek-projek di peringkat kerajaan negeri kerana di negeri Melaka, kita ada beberapa projek yang boleh dianggap mega kerana melibatkan beratus-ratus juta ringgit.

Oleh sebab itu, saya harap bahawa pihak kementerian bolehlah menjawab apakah takrifan projek mega dan berapakah projek mega peringkat negeri selain daripada empat projek pusat yang telah diumumkan tadi telah ditangguh iaitu sebanyak RM33 bilion, tetapi untuk projek kerajaan negeri berapa banyak yang telah dikenalpasti harus ditangguhkan dan bolehkah berikan pecahan secara terperinci khususnya untuk negeri saya iaitu Melaka.

Saya ingin tahu berapa projek di negeri Melaka akan ditangguhkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Baik. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bandau. Selepas itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

6.00 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pandangan yang saya ingin sampaikan di Dewan yang mulia ini sekadar di bawah kepala Kementerian Dalam Negeri iaitu B.36 dan B.37 yang ada kaitan dengan peruntukan yang dipohon iaitu peruntukan tambahan bagi jabatan-jabatan Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Imigresen untuk melaksanakan tugas tambahan yang sebahagiannya ada kaitan dengan pengurusan petugas khas dan petugas pendatang asing di Kementerian Dalam Negeri yang dikenali sebagai Bahagian Pekerja Asing.

Tuan Yang di-Pertua, soal pentingnya pengurusan dan penyelesaian masalah pendatang tanpa izin telah pun kita semua ketahui dan kita terima sebagai satu cabaran yang amat besar supaya negara kita bebas daripada pendatang-pendatang daripada negeri asing yang tidak harus berjalan di sini sana sahaja di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada soal keselamatan yang lebih penting khususnya dengan rang undang-undang ini ialah berkaitan dengan soal kewangan negara telah pun disentuh tadi bahawa dengan kehadiran kira-kira dua juta pendatang asing

atau pekerja asing di negara kita selain daripada pendatang tanpa izin di dalam negara kita, maka aliran keluar wang daripada negara kita saya percaya adalah amat besar dan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau anggarannya kira-kira RM2-bilion satu tahun itu tidaklah luar biasa daripada anggaran saya sebagai satu daripada latihan sedikit dalam bidang ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu di peringkat negeri Sabah, perkara ini sama juga amalan dan akibatnya kepada pengurusan negara dan kewangan negeri. Kita dimaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa hasil daripada program regularisasi di negeri Sabah yang telah pun selesai pada 31 Ogos 1997 seramai 413,832 pendatang tanpa izin telah didaftarkan iaitu seramai 226,565 adalah pekerja dan 187,297 adalah tanggungan mereka.

Ini bererti kalaulah seorang pekerja itu menghantar pulang RM2,000 satu tahun, itu cukup kecil iaitu sekadar RM150 hingga RM180 satu bulan maka mendapat jumlah kira-kira RM450 juta satu tahun daripada 226,565 pekerja adalah saya rasa cukup sederhana dari anggaran kita. Maka soal aliran keluar wang negara melalui Sabah sahaja, melalui pekerja-pekerja asing ini cukup besar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara aliran wang keluar melalui, dengan izin, overseas remittances oleh pekerja asing ini adalah saya daripada data yang telah dibekalkan kepada Dewan yang mulia ini sejumlah 187,267 adalah tanggungan pekerja-pekerja asing itu, nampaknya keluarga mereka cukup besar sehingga, dengan izin, is almost 1:1 ratio. Maka cukup besar sekali dan dengan itu tekanan kepada ekonomi local dari segi pekerjaan yang mereka ambil daripada at the expense, dengan izin, pekerja tempatan juga tekanan mereka dari segi merendahkan upah, dengan izin, pressure on the wage, semuanya akibatnya adalah merugikan sistem kewangan negara dan juga bagi pekerja-pekerja tempatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, soal ini banyak akibatnya selain daripada soal keselamatan dan sosial yang lebih penting ataupun sama pentingnya ialah soal terkenal kepada sistem ekonomi dan pendapatan negara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, maka dalam perkara ini saya berharap, pihak kita berharap bahawa bahagian Kementerian Kewangan membincang atau mencari jalan bagaimana untuk mengambil cukai daripada overseas remittances yang dilakukan oleh mereka ini. Kita sedia maklum bahawa kebanyakan kalau

tidak keseluruhan pengiriman wang keluar negara ini adalah dengan tidak melalui sistem banking yang ada di dalam negara kita, ia sekadar informal transfer, dengan izin, ataupun straight cash transfer, maka ini semuanya merugikan kepada negara kerana ia bukan sahaja tidak dapat didaftarkan tetapi tidak dikesan berapa jumlah dan pendapatan negara hasil daripada pengiriman wang keluar ini tidak dapat diterima oleh Kementerian Kewangan dan agensi-agensi yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin sentuh memandangkan kepada kedua-dua di bawah kementerian ini, jabatan-jabatan tertentu telah memohon supaya tambahan peruntukan diberi antaranya mengawasi dan menjalankan tugas petugas khas ini maka adalah penting supaya kewangan yang digunakan itu benar-benar ditumpukan untuk menyelesaikan tugas sepertimana yang dinyatakan.

Tuan Yang di-Pertua, kerana sepertimana yang dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini pada setakat ini di Sabah sahaja kira-kira 80,000 Pendatang Tanpa Izin (PTI) telah gagal memperoleh majikan dan mesti ada di negeri Sabah. Apabila pihak kita bertanya berapa daripada mereka telah dikirim ataupun diusir keluar negara mereka masing-masing, pihak kementerian yang berkenaan mengatakan bahawa sekadar bulan September 1,055 PTI telah ditangkap dan 996 telah diusir ataupun kira-kira satu ribu dalam satu bulan.

Jika 80,000 pendatang tanpa izin yang gagal memperoleh majikan, ini belum lagi melibatkan mereka yang tidak mendaftarkan diri. Kita berpendapat sekadar masih ada 50,000 yang belum mendaftarkan diri ertinya masih lagi sekadar berkeliaran di sini sana dan pindah di sini sana kerana takut ditangkap oleh pihak keselamatan. Tetapi, sekadar 80,000 PTI yang gagal memperoleh majikan dan kalau setiap bulan sekadar 1,000 diusir, maka ini akan menggunakan 80 bulan atau kira-kira tujuh tahun untuk mengusir mereka semua.

Tuan Yang di-Pertua, mereka ini kuat buat anak, setiap tahun itu biasa untuk melahirkan anak dan kalau kita anggap setengah daripada mereka ini 40,000 dari mereka ini adalah wanita, maka dengan izin, we are talking about, 40,000 satu tahun tambahan mereka di negeri Sabah, di negara ini, kalau tujuh tahun menggunakan masa untuk menghantar mereka, mereka akan sudah bertambah menjadi 280,000, jadi, tidak ada tindakan yang berkekalan jikalau sekadar tindakan yang ada sekarang ini diteruskan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, dari segi permohonan untuk peruntukan bagi jabatan-jabatan yang tertentu, pihak kita memohon supaya satu perancangan yang lebih teratur, yang lebih cekap, yang lebih long term, dengan izin, supaya masalah ini bukan sekadar menjadi satu masalah sebutan tetapi masalah yang perlu diselesaikan dengan segera. Melalui pendaftaran ini maka pihak kerajaan mempunyai data-data tertentu, nama mereka, dengan izin, thumb print pun ada, alamat mereka. Jadi, kita berharap bahawa pihak kementerian akan menggunakan data-data ini dengan cukup berkesan, mengenali di mana mereka, mengesani di mana mereka tinggal dan bekerja supaya apabila luput masa pas mereka, tindakan dibuat kepada mereka, sebab kalau tidak, sekadar 80,000 yang tidak mempunyai majikan pun mahu tujuh tahun untuk menyelesaikan mengirimkan mereka apatah lagi bagi mereka - tambahan yang akan timbul hasil daripada tindakan daripada mereka yang pasnya luput tetapi tidak keluar daripada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kita menekankan perkara ini sebab perkara pendatang asing dan pekerja asing amat penting sekali dan mempunyai akibat kepada bukan sahaja soal keselamatan negara tetapi lebih penting lagi kepada ekonomi negara kita, pada masa-masa keadaan ekonomi dalam keadaan merosot dan dimana pendapatan hasil daripada penukaran wang asing kita, nilai Ringgit kita dan overall economic activity yang dalam peringkat slow down, dengan izin, maka tidaklah adil di mana dengan izin, the cake that is available adalah menjadi tumpuan makanan kepada rakyat yang bukanlah warganegara kita.

Tuan Yang di-Pertua, maka dalam soal ini, kami memohon supaya satu tindakan yang lebih mempunyai time frame, dengan izin, satu tindakan yang lebih long term dilakukan dari segi menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin khususnya di negeri Sabah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

6.10 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandau, Kota Melaka, Bukit Bendera, Balik Pulau dan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan kita sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa bulan kebelakangan ini rantau Asia Timur telah mengalami

ketidakstabilan dalam pasaran pertukaran mata wang asing berikutan pergerakan ketara beberapa mata wang serantau dan sejak bulan Mei 1997, perkembangan yang berlaku di Thailand telah menyebabkan tekanan spekulasi ke atas mata wang di rantau ini.

Dalam persekitaran ini, nilai ringgit telah mengalami tahap turun naik yang ketara mencerminkan perkembangan antarabangsa serantau dan juga tempatan. Dalam pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa Dollar Amerika Syarikat dan Pound Sterling telah mengukuhkan dengan ketara kepada sebahagian besar pada tahun 1997, ini berlaku walaupun kedua-dua buah negara ini mengalami defisit akaun semasa yang besar.

Jadi, pengukuhan kedua mata wang inilah disebabkan oleh pemulihan pesat ekonomi Amerika Syarikat dan United Kingdom berbanding dengan suasana pemulihan ekonomi yang perlahan, yang dialami oleh Eropah dan negara Jepun.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan perkembangan ini, pengurus dana antarabangsa telah beralih strategi pelaburan dengan meningkatkan jumlah bahagian pelaburan mereka di Amerika Syarikat dan United Kingdom. Jadi, perkembangan ini telah menggalakkan lagi prestasi pasaran modal di negara-negara tersebut dan turut mengukuhkan mata wang masing-masing dan berikutan dari perkembangan antarabangsa dan arah aliran yang muncul di Thailand, nilai Ringgit mengalami tahap turun naik yang besar. Nilai Ringgit menyusut sebanyak 17% jika dibandingkan kedudukannya pada akhir tahun 1996 pada paras 2.5279 kepada paras 3.0420 pada 10 Oktober 1997.

Untuk membendung spekulasi ke atas Ringgit dan juga bagi memastikan kadar faedah tempatan lebih mencerminkan keadaan tempatan dan tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan had ke atas menjaga swap Ringgit yang bukan berkaitan dengan perdagangan pada bahagian tawaran dengan pelanggan asing pada 4 Ogos 1997.

Jadi, setiap bank dikehendaki mematuhi had sebanyak 2 juta ke atas jumlah keseluruhan urusan swap Ringgit yang bukan berkaitan dengan perdagangan dan bahagian tawaran dengan pelanggan asing. Jadi, bank yang telah melebihi had ini tidak lagi dibenarkan untuk menjalankan urusan swap ringgit yang bukan berkaitan dengan perdagangan pada bahagian tawaran dengan pelanggan asing tersebut sehingga jumlah

keseluruhan swap telah berkurangan ke tahap di bawah had yang ditetapkan.

Di samping itu, pada 31 Julai 1997 Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan kepada institusi perbankan yang menghendaki mereka menghadkan kadar pemberian pinjaman asas (BLR) pada bulan Ogos kepada tahap tertinggi BLR pada bulan Julai 1997. Langkah ini bertujuan bagi menstabilkan keadaan pasaran mata wang.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, berikutan daripada ketidakstabilan kedudukan mata wang baru-baru ini, usaha-usaha sedang diperhebatkan untuk mengurangkan defisit akaun semasa. Dalam hal ini matlamat dasar Belanjawan Kerajaan Persekutuan ialah untuk mencapai lebih keseluruhan yang lebih besar pada tahun 1998.

Di samping itu, penangguhan pelaksanaan beberapa projek besar yang memerlukan komponen import yang tinggi akan membolehkan import dikurangkan dengan serta merta. Langkah-langkah khusus bagi mengurangkan tekanan ke atas kedudukan akaun semasa, imbalan pembayaran dalam tempoh yang singkat ini adalah seperti berikut:-

- (i) menangguhkan beberapa projek infrastruktur yang besar;
- (ii) membuat potongan menyeluruh sebanyak 2% daripada perbelanjaan kerajaan; dan
- (iii) menilai semula dan membatalkan sekiranya difikirkan perlu pembelian barangan asing oleh agensi-agensi kerajaan dan meningkatkan penggunaan bahan-bahan tempatan dalam projek-projek penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, secara keseluruhannya, perubahan kadar pertukaran mempunyai kesan yang berbeza ke atas pelbagai sektor. Walau bagaimanapun, sebagai dasar negara kita tidak pernah bergantung kepada atas kadar pertukaran untuk mengekal daya saing negara. Daya saing negara adalah dari segi kos pengeluarannya yang rendah diperolehi menerusi peningkatan kecekapan dan juga dari segi kualiti pengeluarannya. Sesungguhnya kelebihan produktiviti bagi Malaysia telah bertambah penting berikutan ekonomi yang telah mantap dan mencapai guna tenaga yang penuh.

Penekanan dalam meningkatkan daya saing negara dalam tempoh kebelakangan ini adalah dari segi menurunkan kos pengeluaran menerusi

peningkatan kecekapan dan membaiki kualiti keluaran. Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah menyatakan hal ini supaya dapat kita mempertingkatkan lagi kualiti produktiviti kita.

Dalam hal ini, Malaysia secara amnya telah membenarkan kadar pertukarannya menggambarkan asas-asas ekonominya. Kadar pertukaran yang fleksible telah memberi tekanan ke atas pengilang tempatan bagi memperbaiki keluaran melalui penurunan kos pengeluaran mereka.

Perkembangan kewangan terbaru di rantau ini telah memperlihatkan kesan ancaman turun naik kadar pertukaran. Namun demikian, pendirian dasar kita dalam membenarkan kuasa-kuasa pasaran menentukan kadar pertukaran adalah tidak berubah, penyusutan tahap nilai Ringgit baru-baru ini tidak mencerminkan asas-asas ekonomi negara sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi. Apabila pasaran mula menjadi stabil kelak, arah aliran Ringgit akan berubah semula bagi mencerminkan asas-asas ekonomi yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pasaran saham yang telah diperkatakan beberapa langkah telah diumumkan untuk mengukuhkan keyakinan para pelabur. Langkah-langkah ini termasuklah pembelian balik saham sendiri oleh syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Pada 1 September 1997 hingga 8 Oktober 1997 sebanyak 21 syarikat telah disenaraikan di BSKL telah mohon untuk melaksanakan konsep berkenaan. Selain daripada itu, kerajaan telah mengumumkan peningkatan had yang dibenarkan kepada bumiputera untuk melabur dalam ASN dan ASB kepada RM200,000. Kita berharap dengan adanya tabungan local tempatan dapat kita menggunakan tabungan ini yang sekarang ini sebanyak 39% kita gunakan untuk bangunan.

Baru-baru ini, keyakinan dalam pasaran saham telah mula pulih dengan indeks komposit BSKL telah meningkat sebanyak 14% pada 8 Oktober jika dibandingkan kedudukannya pada 4 September 1997.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1990 akaun semasa imbalan pembayaran mencatatkan defisit sebanyak RM2.5 bilion, jumlah defisit ini meningkat kepada RM21.8 bilion pada tahun 1995 tetapi telah mengecil dengan ketara kepada RM12.3 bilion pada tahun 1996.

Faktor utama yang menyebabkan akaun semasa imbalan pembayaran mencatatkan defisit ialah

kerana defisit akaun perkhidmatan yang berterusan. Defisit dalam akaun perkhidmatan ini adalah lebih besar daripada lebihan yang tercatat dalam akaun dagangan. Untuk membolehkan negara mencapai lebihan dalam akaun semasa imbalan pembayaran, kita perlu memastikan pertamanya, import negara tidak melebihi eksport negara.

Dan dalam hal ini Malaysia sememangnya mencatatkan lebihan dalam akaun dagangan misalnya dalam tahun 1996 negara mencatatkan lebihan sebanyak RM10.2 bilion.

Keduanya, memperkukuhkan kapasiti sektor perkhidmatan agar negara dapat meningkatkan eksport perkhidmatan dan mengganti perkhidmatan yang diimport seperti perkhidmatan trade dan insurans, pengangkutan udara, pelancongan, pendidikan serta kontrak dan profesional. Ini telah diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau bahawa kita adalah merupakan satu ekonomi transisi yang telah kita lakukan daripada pertanian ke perindustrian dan sekarang kita akan melonjak kepada perkhidmatan dan juga IT.

Yang ketiganya, meningkatkan tabungan negara agar ianya dapat membiayai segala pelaburan tetap dalam negara kerana ini akan mengurangkan pergantungan negara kepada modal asing seperti pinjaman untuk membiayai pembentukan modal tetap dalam negara. Tuan Yang di-Pertua, jadi, ini telah pun seperti yang telah saya katakan tadi.

Usaha-usaha kerajaan dalam mengurangkan defisit akaun perkhidmatan telah menunjukkan kesan positif di mana defisit akaun perkhidmatan telah berkurangan dari RM5.9 bilion pada suku keempat tahun 1996 kepada RM4.9 bilion pada suku pertama tahun 1997.

Di samping itu, usaha-usaha untuk menanggukkan pelaksanaan beberapa projek besar seperti yang dikatakan tadi mengurangkan import besar oleh agensi kerajaan dan memotong perbelanjaan kerajaan serta melaksanakan pelan induk perindustrian kedua bagi meningkatkan rantaian nilai proses perindustrian dijangka akan dapat mengurangkan pergantungan aktiviti ekonomi negara kepada import dan di sini kita ingin mengatakan bahawa sekarang kita akan cuba sedaya upaya untuk memperkecilkan bilangan guna tenaga yang masuk ke dalam negara kita. Kita akan cuma memberi kelulusan kepada profesional yang akan masuk tetapi kepada guna tenaga yang tidak mahir, kita akan tutup sama sekali. Saya rasakan dengan cara ini, kita akan pergi kepada quality production dan quality manpower, dengan izin.

Oleh itu dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kita telah pun memperkatakan Human Resource Development HRD, dengan izin, dan juga R&D dalam production dan selain daripada itu, Pelan Tindakan Perindustrian Kedua, pendekatannya ialah pertamanya, industri berkelompok dan keduanya, perkilangan plus, plus.

Jadi, ini bermakna aktiviti-aktiviti R&D dan juga Human Resource Development (HRD) komponen yang paling penting dalam menjayakan IMP ini. Ini bermakna bahawa teori Paul Krugmann bukanlah hujah baru yang telah diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, kita perlu keluaran produk-produk nilai-nilai ditambah, aktiviti upstream dan downstream, dengan izin, tingkatan produktiviti dan kualiti dan semua ini terletak kepada Research and Development (R&D) dan Human Resource Development.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah juga menyentuh mengenai human resource development fund, ini telah pun dijalankan dan kita berharap dengan adanya caruman human resource development fund ini dapat kita melatih semula pekerja-pekerja kita kepada upstream aktiviti dan untuk itu, kita telah pun mempertingkatkan sekolah-sekolah vokasional kepada sekolah-sekolah politeknik dan kepada Institut Latihan Perindustrian (ILP) kepada kursus-kursus yang menjurus untuk kita mencapai hasrat wawasan negara.

Jadi, kalau misalnya di ILP kita dapat Computer Aided Design atau Computer Aided Manufacturing, CAD atau CAM serta pertambahan bilangan mesin, peralatan, latihan, kursus, juruteknik, percetakan, perindustrian, NCN machining dan sebagainya. Selain daripada CAD dan CAM yang saya sebut tadi, kita ada Computer Integrated Manufacturing (CIM) dan juga Flexible Manufacturing (FM), dengan adanya jurusan-jurusan ini nanti, insya-Allah, dapat kita melihat bahawa bukan sahaja ILP tetapi juga Institut Kemahiran MARA (IKM) dan juga Japan Malaysia Technical Institute (JMTI), French Technical Institute dan German Technical Institute dapat memberikan produk-produk kualiti kepada jurulatih kita dan juga kepada pekerja-pekerja kita nanti. Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun menyarankan bahawa sekarang kita kena selektif dalam memilih investors ataupun pelabur-pelabur yang datang sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi, kita tidak akan pergi kepada labour intensive tetapi kita akan pergi kepada capital intensive.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, untuk meningkatkan human resource development, institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) juga telah pun kita luluskan, kita ada sekarang ini Telekom, kita ada Petronas dan pelbagai lagi untuk dapat kita menjana anak-anak kita belajar dan menuntut bidang-bidang elektrik dan engineering.

Selain daripada itu, kita hendakkan kawasan kita sama ada kecemerlangan dalam pendidikan dan diharap nanti kita tidak akan menghantar pelajar-pelajar kita ke negara-negara luar jika sekiranya pendidikan dan jurusan itu terdapat di dalam negara kita, misalnya IT dan sebagainya.

Selain daripada itu, telah pun diisytiharkan tempoh hari mengenai perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan kita berharap dengan adanya perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, semua orang akan dapat melanjutkan pelajaran di tingkat tertiary, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkhidmatan awam dan juga yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan juga dari Kota Melaka, kita telah pun mengedarkan satu surat pekeliling kepada semua kementerian supaya dapat kita menjimatkan wang kita 2% accross the board dan juga kita meminta pengawal-pengawal menjaga kewangan supaya tidak ada pembaziran. Ini juga telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan kita berharap dengan adanya surat pekeliling ini kepada jabatan-jabatan kerajaan bukan sahaja di peringkat Persekutuan tetapi juga di peringkat negeri, kita diharapkan rombongan yang "membazir" tidak akan dilakukan lagi dan mega-mega projek yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dapat kita perkecilkan. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka meminta secara terperinci mega projek, terutamanya di Melaka, saya akan memberikan jawapan itu secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, dengan itu, saya mohon maaf sekiranya - mengenai Ahli Yang Berhormat dari Bandau yang telah menyatakan bahawa ramai pekerja-pekerja asing tanpa majikan sebanyak 80,000 di negara kita, kita akan mengambil perhatian dan tindakan susulan akan diambil.

Mengenai Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera, kita telah pun menghantar pasukan bomba kita ke negara jiran, kita pergi kepada source kepada tempat permasalahan itu berlaku dan kita berharap dengan adanya perkara seperti ini dapat kita menjamin supaya kesedaran itu timbul bukan sahaja

daripada rakan-rakan kita di Malaysia tetapi juga di negara asing.

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau bersetuju untuk menunjukkan teladan yang baik dengan menyerahkan kereta Mercedesnya dan ditukarkan dengan Perdana supaya dapat menggerakkan semua jabatan kerajaan untuk benar-benar berjimat dan menggalakkan rakannya berbuat demikian.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kita ada peraturan di mana jika kereta sampai empat tahun sahaja baru kita tukar. Dan arahan telah dibuat apabila pertukaran itu berlaku nanti kita akan tukar kepada Proton Perdana. Tetapi untuk perhatian Ahli Yang Berhormat saya telah pun memakai Proton Perdana minggu lepas kerana kereta Mercedes itu rosak dan sekarang ini sudah pakai kereta Mercedes balik. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu jawapan yang boleh saya berikan dan mana-mana pertanyaan yang tidak dapat saya jawab kita akan mengambil perhatian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah

bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia dua ratus enam puluh juta, tujuh ratus dua puluh satu ribu, satu ratus tiga (RM260,721,103) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1997, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia dua ratus enam puluh juta, tujuh ratus dua puluh satu ribu, satu ratus tiga (RM260,721,103) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1997 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.